

# **PERBANDINGAN MUŞHAF RASM UTHMĀNĪ DAN MUŞHAF RASM IMLĀ’I MENURUT PERSPEKTIF KAEDEAH RASM SERTA IMPLIKASI PENGGUNAANNYA**

Muhamad Fadlly bin Ismail<sup>1</sup>

Nor Hafizi bin Yusof, Ph.D<sup>2</sup>

Wan Ruswani binti Wan Abdullah<sup>3</sup>

## **Abstrak**

*Rasm Uthmānī merupakan salah satu cabang dari ilmu-ilmu al-Quran. Ilmu mengenai penulisan al-Quran ini merupakan antara usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh para ulama terdahulu dalam memartabatkan al-Quran kepada masyarakat Islam. Kurangnya pengetahuan masyarakat Islam masa kini terhadap kaedah perbezaan antara Rasm Uthmānī dan Rasm Imlā’i sebagaimana terhimpun dalam enam perkara iaitu al-Hadhf, al-Ithbāt, al-Hamz, al-Badal, al-Faṣl, al-Waṣl dan perkataan yang boleh dibaca oleh dua Qirā’at Mutawatirah yang ditulis salah satunya. Oleh itu, artikel ini merupakan satu usaha pengkaji untuk memperkenalkan kepada masyarakat akan kepentingan memahami kaedah penulisan al-Quran mengikut Rasm Uthmānī. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk analisis dokumen. Hasil kajian mendapati, individu yang memahami dan menguasai ilmu Rasm Uthmānī ini akan dapat membaca al-Quran dengan baik. Mereka juga akan dapat mengenalpasti kesalahan-kesalahan yang berlaku di dalam penulisan al-Quran disamping menghayati asal usul bermulanya ilmu Rasm Uthmānī.*

**Kata Kunci:** Penulisan, *Rasm Uthmānī*, *Rasm Imlā’i*

## **PENGENALAN**

Pada masa kejayaan Islam, meskipun budaya tulis menulis sebegini canggih, tetapi galakan menghafaz al-Quran sangat tinggi dalam kalangan umat Islam. Sejarah telah membuktikan, bahawa tokoh-tokoh Islam yang termasyhur kebanyakannya hafaz al-Quran, seperti Ibn Khaldun,<sup>4</sup> Ibn Sina,<sup>5</sup> Ibn Rusyd<sup>6</sup> dan lain-lain. Kecenderungan mereka untuk menghafaz al-

---

<sup>1</sup> Penulis merupakan calon Ph.D. Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA.

<sup>2</sup> Penulis merupakan Ketua Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA.

<sup>3</sup> Penulis merupakan pensyarah Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah ( POLISAS).

<sup>4</sup> Nama beliau ialah Abd al-Rahman bin Muhammad bin Khaldūn. Lahir pada tahun 1332H dan wafat pada 1406H. Beliau berjaya menghafaz al-Quran pada umur 7 tahun. Tokoh ini memiliki kepakaran pelbagai ilmu dan karya agung lagi masyhur. Adapun segi kerjayanya dapat dilihat beliau pernah menjadi pensyarah di al-Azhar dan lain-lain universiti, duta raja Moor di Granada, Hakim Diraja di bawah naungan Sultan Abū al-Abbas dan lain-lain lagi. Ibn Khaldūn (T.th.), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, al-Maktabah al-Syamilah, versi 3.25.

<sup>5</sup> Al-Ḥusain bin Abdullah bin al-Ḥassan bin Ali bin Sina yang dimasyhurkan dengan panggilan Ibn Sina adalah berketurunan Turki. Dilahirkan pada 370H di Afsyanah dan meninggal dunia pada tahun 428H. Pada umur 10 tahun, beliau berjaya menghafaz al-Quran dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang perubatan pada umur 16 tahun. al-Jauzi I. Q. (2004). *Tibb al-Nabawi*. Tahqiq: Muḥammad Muḥammad Tamr dan Muḥammad Sa’id Muḥammad. Qāherah: Dār al-Faṣr li al-Turāth h. 18.

<sup>6</sup> Nama beliau ialah Abū Walid Muḥammad Ibn Aḥmad. Lahir pada tahun 1126H dan wafat pada 1198H. Beliau dilahirkan di Andalusia dan wafat di Maghribi. Beliau dianggap sebagai ahli falsafah yang paling agung pernah dilahirkan dalam sejarah Islam. Beliau telah dihantar untuk berguru dengan Ibn Zuh̄r yang kemudiannya

Quran adalah semata-mata untuk menjaga sumber syariat Islam dan menggali ilmu dengan melalui hafazan.

Kertas ini akan menyentuh tentang pengenalan sejarah perkembangan Rasm Uthmani dan Rasm Imla'i. Perbincangan ini juga mencakupi kepada penulisan lepas dan semasa tentang Muṣḥaf Uthmānī dan Muṣḥaf Imlā'i termasuk sejarah perkembangan, definisi, status dan keistimewaananya. Perbezaan antara Muṣḥaf Uthmānī dan Muṣḥaf Imlā'i dari perspektif kaedah rasm serta implikasi penggunaan kedua-dua mushaf tersebut terhadap masyarakat Islam akan turut disentuh. Seterusnya, tulisan ini juga bertujuan untuk mengemukakan pandangan para ulama yang muktabar berhubung penggunaan kedua-dua mushaf ini dan kepentingannya dari sudut penulisan al-Quran hingga kini.

## SEJARAH PERKEMBANGAN RASM UTHMĀNĪ

Sejarah telah mencatat dalam peperangan *al-Yamāmah* yang berlaku selepas kewafatan Nabi Muḥammad s.a.w., ramai dalam kalangan sahabat yang menghafaz al-Quran menemui syahid iaitu seramai tujuh ratus orang.<sup>7</sup> Peristiwa ini telah menjadikan Saidina Umar bin al-Khattab r.a. memberi pandangan kepada Saidina Abū Bakr al-Siddīq r.a. untuk mengumpul al-Quran. Bagi melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang berat dan besar ini, beliau telah melantik seorang sahabat yang bernama Zayd bin Thābit r.a.<sup>8</sup> Faktor utama Zayd bin Thābit r.a. dilantik menulis dan mengumpul al-Quran ialah beliau merupakan satu-satunya sahabat yang hadir semasa Rasulullah s.a.w. menyemak bacaan al-Quran dengan Malaikat Jibril a.s. buat kali terakhir dan tidak dimansuhkan bacaannya (*al-A'rādah al-Akhīrah*).<sup>9</sup> Dalam menggambarkan khidmat agung Zayd bin Thabit r.a. yang tidak berbelah bahagi terhadap penulisan al-Quran dapat dilihat riwayat yang datang dari anaknya, Kharijah bin Zayd bin Thabit sepihama berikut:

*“Terdapat satu rombongan mendatangi ayahku (Zayd bin Thābit r.a.) dan mereka bertanya: Sebutkan sebahagian hadith Rasulullah s.a.w. kepada kami. Maka dia menjawab: Tiada apa yang akan aku sebutkan kepada kamu. Dahulunya aku berjiran dengan Nabi s.a.w. apabila suatu wahyu (al-Quran) turun maka aku dipanggil dan aku tuliskannya.”<sup>10</sup>*

---

menjadi rakan karibnya. A. Khudari Soleh, M. Ag (2004), *Wacana Baru Filsafah Islam*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 100.

<sup>7</sup> Ali Muḥammad Ḥabbā' (1999), *Samīr al-Tālibīn fi Rasm wa Ḏabṭ Kitāb al-Mubīn*, Cet. 1, Qāhirah: Maktabah al-Azhar li al-Turāth, h. 9. Terdapat beberapa pendapat tentang bilangan sahabat r.a. yang mati syahid dalam peperangan al-Yamamah. Syaykh Abdul 'Azīz al-Zarqānī dalam kitabnya *Maṇāhil al-Irfān* menyatakan bilangan sahabat r.a. yang syahid di Yamamah sama bilangan semasa peperangan *Bi'rū Ma'unah* iaitu berjumlah keseluruhannya seramai 140 syahid. Bagi pendapat Syaykh Ali Ḥabbā' dan Syeikh Makki Naṣar menyatakan sahabat r.a. yang syahid dalam peperangan tersebut ialah seramai 1,200 orang dan 700 daripadanya ialah kalangan Qurra'.

<sup>8</sup> Muḥammad Makki Naṣr al-Juraisī (2003), *Nihāyat al-Qaul al-Mufid fī Ilmī Tajwīd al-Qurān*, Cet 1. Bayrūt: Dār al-Kutub Ilmiyyah, h. 189.

<sup>9</sup> Al-Qadhi, Abd al-Fattaḥ (t.th), *Tarikh al-Muṣḥaf al-Syarīf*, Mesir: Maktabah al-Jundi, h. 13.

<sup>10</sup> Al-Sajistānī, Abū Bakr Abdullah bin Sulaymān (t.th), *Al-Maṣāḥif li Ibn Abī Dāwūd*, jil. 1. al-Maktabah al-Syāmilah, h. 6.

Disamping itu juga, beliau merupakan seorang yang dikenali dalam kalangan para sahabat sebagai seorang yang paling sempurna penghafalan al-Qurannya, baik sebutan huruf-hurufnya, menguasai pelbagai bacaan *Qiraat*, dan juga seorang yang mempunyai daya pemikiran yang cerdik hinggakan beliau hanya mengambil masa hanya sembilan belas hari sahaja untuk mempelajari ilmu-ilmu *al-Sirraniyyah*.<sup>11</sup>

Setelah selesai penulisan al-Quran, ia disimpan oleh Saidina Abū Bakr al-Šiddīq r.a. dan setelah beliau meninggal dunia ia diambil oleh Saidina Umar bin al-Khattab r.a. Apabila Saidina Umar r.a. meninggal dunia maka *suḥuf* tersebut disimpan oleh anaknya dan juga isteri Rasulullah s.a.w. iaitu Ḥafṣah binti Umar r.a. Sumbangan yang mereka lakukan adalah amat besar sehingga Saiyidina Alī bin Abī Ṭālib r.a. berkata, “Manusia yang paling banyak mendapat ganjaran dalam berkhidmat kepada al-Quran ialah Abū Bakr, semoga Allah merahmati Abū Bakr, sesungguhnya dia adalah orang yang pertama mengumpul al-Quran.”<sup>12</sup>

Usaha pengumpulan dan penulisan semula al-Quran menjadi sesuatu yang begitu serius sekali pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a. apabila Hudhayfah ibn al-Yaman r.a. telah menyertai perperangan *al-Rayyi*<sup>13</sup> yang berada dalam kawasan Azerbaijan. Dalam perjalanan, beliau telah melihat perbalahan dan pertelingkahan umat Islam yang masing-masing mendakwa bacaan mereka lebih baik dan betul daripada kumpulan yang lain. Lebih membimbangkan setengah mereka menyalahkan dan mengatakan kufur terhadap bacaan orang lain disebabkan setiap mereka tidak tahu bahawa al-Quran diturunkan pada zaman wahyu dengan pelbagai bentuk bacaan.<sup>14</sup> Peristiwa tersebut telah diberitahu kepada Saiyidina Uthman bin Affan r.a. dan beliau telah mengambil langkah yang tepat dengan menyalin al-Quran dalam bentuk *mushaf*.

Oleh yang demikian, pada zaman Saiyidina Uthmān bin Affān r.a. telah menyebabkan ayat al-Quran itu sempurna ditulis kesemuanya dalam bentuk lembaran naskhah al-Quran yang lengkap. Faktor-faktor yang menjadi pendorong kepada terkumpulnya al-Quran pada ketika itu adalah pertama wujudnya *mushaf* para sahabat r.a. Dalam kalangan para sahabat r.a. itu, ada yang menulis al-Quran untuk rujukan dan simpanan mereka sendiri. Antara *mushaf-mushaf* yang masyhur ialah *mushaf* Abdullah Ibnu Mas'ūd,<sup>15</sup> *mushaf* Ubay bin Ka'ab,<sup>16</sup> *mushaf* Abū Mūsa al-Asy'arī,<sup>17</sup> *mushaf* al-Miqdad bin Amr<sup>18</sup> dan lain-lain lagi. Manakala

<sup>11</sup> Muḥayyīn, Muḥammad Sālim (1989), *Irshād al-Ṭālibīn ila Ḏabṭ al-Kitāb al-Mubīn*, Qāhirah: Maktabah al-Azharīyyah li al-Turath, h. 35.

<sup>12</sup> Muḥammad Abdul Azīm al-Zarqānī (2003), *Mañāhil Irfān fi Ulūm al-Qurān*, Jilid 1. Cet. 2, Bayrūt: Dār al-Kutūb Ilmiyyah, h. 141.

<sup>13</sup> Perperangan ini berlaku pada tahun 30 Hijrah. Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr Abū Ja'far al- (1968), *Jamī' al-Bayān 'an Ta'wīl Ay al-Qurān Tafsīr al- Ṭabarī*, j. 1. Qāherah: Dār al-Ḥadīth, h.59-61.

<sup>14</sup> Muṣṭafā Ṣadiq al-Rafī'e (2006), *Ijāz al-Qurān wa al-Balāghah al-Nabawīyyah*, Bayrūt: Dār al-Kutūb al-Arabi, h. 28-29.

<sup>15</sup> Penduduk di wilayah Kufah membaca Qiraat melalui riwayat bacaan Abdullah Ibnu Mas'ūd.

<sup>16</sup> Penduduk di wilayah Syam membaca Qiraat melalui riwayat bacaan Ubay bin Ka'ab.

<sup>17</sup> Penduduk di wilayah Yaman membaca Qiraat melalui riwayat bacaan Abū Mūsa al-Asy'arī.

<sup>18</sup> Penduduk di wilayah Makkah membaca Qiraat melalui riwayat bacaan al-Miqdad bin Amr.

faktor kedua, perbezaan wajah *Qiraat* yang membawa pertikaian umat Islam.<sup>19</sup> Walaupun membaca al-Quran dengan berbagai bentuk *Qiraat* itu adalah satu *rukhsah* (kelonggaran) yang dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w., hal ini telah mencetuskan pertikaian dalam kalangan umat Islam selepas Baginda s.a.w. wafat. Ini berlaku kerana apabila mereka telah mempelajari al-Quran satu jenis *Qiraat*, masing-masing menganggap *Qiraat* mereka sahajalah yang betul dan *Qiraat* orang lain adalah salah sehingga menimbulkan persengketaan sesama mereka.<sup>20</sup>

Sebagaimana yang telah sedia maklum bahawa *rasm* yang ditulis oleh para sahabat r.a. adalah tanpa menggunakan sebarang tanda. Huruf-huruf yang ditulis didalam *mushaf-Muṣṭafā Uthmāniyah* yang asal adalah tanpa titik dan baris tidak seperti *muṣṭafā* yang ada pada masa ini.<sup>21</sup>

## DEFINISI RASM UTHMĀNĪ

Jika dilihat dari sudut definisi *Rasm Uthmani*, Syaykh Abd al-Mun’im Kamil Syair telah menyebut di dalam kitab beliau bertajuk *Al-I‘jāz al-Qurāni fī al-Rasm al-Uthmāni*, Rasm Uthmani ialah kaedah atau cara penulisan perkataan-perkataan al-Quran pada *mushaf-mushaf* yang ditulis oleh para sahabat r.a. di zaman pemerintahan Khalifah Uthmān ibn Affān r.a. dan dihantar ke negara-negara Islam. Maka dinamakan kaedah ini dengan Rasm Uthmani adalah sandaran kepada Uthmān bin Affān r.a. atas perintah beliau untuk menulis semula ayat-ayat al-Quran.<sup>22</sup>

Istilah perkataan *rasm* adalah bermaksud *al-kitābah* dan *al-Imlā*.<sup>23</sup> Perkataan *rasm* dalam bahasa Arab adalah nama terbitan yang berasal daripada kata dasar — رَسْمٌ — *rasm* — yang membawa maksud menulis, menggaris, melukis dan merangka.<sup>24</sup> *Al-Rasm* juga bererti *al-Āثار*<sup>25</sup> bermaksud bekas, peninggalan. Mengikut bahasa Arab *al-Rasm* juga memiliki beberapa persamaan makna seperti *al-khaṭ* dan *al-sitr* yang memberi erti sama, iaitu tulisan.<sup>26</sup>

Menurut Syaykh Alī Muḥammad al-Dabba’, *Rasm Uthmani* ialah satu ilmu yang menjelaskan perbezaan penulisan dalam *Mushaf Uthmani* dengan kaedah penulisan *imla’i*.<sup>27</sup>

<sup>19</sup> Muṣṭafā Ṣadīq al-Rafī‘e (2006), *I‘jāz al-Qurān wa al-Balāghah al-Nabawiyah*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-Arabi, h. 31.

<sup>20</sup> Al-Qadhbī, Abd al-Fattah (t.th), *Tarīkh al-Muṣṭafā Uthmāniyah*, Mesir: Maktabah al-Jundi, h. 22.

<sup>21</sup> Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin ‘Abd Allah al-Tanāsi (1420H), *Al-Tirāz fī Sharh Ḏabṭ al-Kharraz*, ed. Ahmad Sharshal, Saudi Arabia: Mujamma’ Al-Malik Fahd, h. 39. Dalam *Mukadimah Tahqīq*.

<sup>22</sup> Abd al-Mun’im Kamil Syair (t.th.), *Al-I‘jāz al-Qurāni fī al-Rasm al-Uthmāni*, Bayrūt: Alam al-Kutub, h. 5.

<sup>23</sup> ‘Abd al-Karīm Ibrāhīm ‘Iwād Ṣalīḥ (2006), *al-Muṣṭafā Uthmāniyah*, Tantā: Dār al-Šāhābah, h. 8.

<sup>24</sup> Al-Bustani, Fuād Ifram al. (T.th.), *Munjid al-Tullab*, Bayrūt: Dār al-Mashreq, Cet. 21, h. 6.

<sup>25</sup> Ibnu Manzūr (1990), *Lisān al-Arabi*, Bayrūt: Dar Sadir. Jilid 12, Cet. 1, h. 241 dan lihat *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A’lam* (1986), Cet. 30, Bayrūt: Dār al-Masyriq, h. 259.

<sup>26</sup> ‘Abd al-Karīm Ibrāhīm ‘Iwād Ṣalīḥ (2006), *al-Muṣṭafā Uthmāniyah*, Tantā: Dār al-Šāhābah, h. 8.

<sup>27</sup> Ali Muḥammad al-Dabba’ (1999), *Samīr al-Tālibīn fī Rasm wa Ḏabṭ Kitāb al-Mubīn*, Cet. 1. Qāherah: Maktabah al-Azhar li al-Turath, h. 22.

Manakala Dr. Syabān pula berpendapat, *Rasm Uthmani* ialah satu keterangan yang membicarakan mengenai tulisan dalam *Mushaf Uthmani* yang dihantar ke kota-kota Islam ketika itu. Di mana kaedah penulisan dalam *mushaf* tersebut merangkumi tujuh huruf al-Quran, ditulis tanpa baris dan titik, bacaan Rasulullah s.a.w. semasa semakan terakhir di hadapan malaikat Jibrīl a.s. serta bacaan yang tidak dimasukkhan.<sup>28</sup>

Bagi *Rasm Uthmani* pula, Ibnu Khaldūn mendefinisikan sebagai kaedah penulisan kalimah al-Quran berteraskan *Rasm Uthmani*. Ia agak berlainan daripada kaedah penulisan Bahasa Arab biasa (*Rasm Imla'i*) dalam banyak aspek.<sup>29</sup>

## PROSES PEMBUKUAN MUŞHAF UTHMĀNĪ

Al-Quran adalah Kitab Samawi yang terakhir, diturunkan kepada nabi yang terakhir, khusus buat umat yang terakhir sehingga akhir zaman.<sup>30</sup> Menghafal dan menulis merupakan antara usaha yang baik demi menjaga al-Quran agar keasliannya terpelihara.<sup>31</sup> Penulisan al-Quran bukanlah merupakan rekaan semata-mata, malahan ia adalah sunnah yang perlu diikuti. Ayat-ayat al-Quran dari awal hingga akhir ditulis semenjak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Oleh kerana pada masa itu ketiadaan kertas, maka para penulis wahyu telah mencatatkan ayat-ayat al-Quran pada pelbagai objek seperti kulit binatang, pelepas tamar, papan, kepingan batu dan sebagainya. Catatan tersebut disalin semula oleh sebahagian sahabat r.a. walaupun kebanyakannya mereka lebih mengutamakan hafazan.<sup>32</sup> Rasulullah s.a.w. mengarah beberapa orang sahabat r.a. menulis wahyu ketika diturunkan. Antara penulis wahyu Muhājirīn yang terkemuka ialah Saiyidina Abū Bakr r.a., Saiyidina Umar r.a., Saiyidina Uthmān r.a., Saiyidina Alī r.a. dan Abd Allah bin Saīd r.a. Sementara daripada kalangan penulis wahyu Anṣhār pula ialah Ubay bin Ka'ab, Zayd bin Thabit dan lain-lain lagi. Penulis-penulis wahyu tersebut dipilih dalam kalangan orang Muhājirīn dan Anṣhār. Ayat-ayat al-Quran yang ditulis itu disimpan berselerak dalam kalangan para sahabat r.a.<sup>33</sup>

Pada hayat Nabi Muhammad s.a.w., ayat-ayat al-Quran tidak sempat dikumpulkan dan dikemaskini sebagaimana sekarang. Hal ini kerana memelihara al-Quran dalam bentuk hafazan menjadi suasana yang amat sinonim pada masa itu berbanding penulisan. Al-Quran berpindah dari seorang sahabat kepada sahabat yang lain kebanyakannya dalam bentuk hafazan.<sup>34</sup>

Proses pengumpulan semula ayat-ayat al-Quran bermula selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. dan usaha ini dibuat pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a. (632-634M) bagi tujuan pemeliharaannya agar tidak lenyap.<sup>35</sup> Ini kerana beliau

<sup>28</sup> Syabān Muhammed Ismail (1986), *Al-Qirāat Aḥkāmuha wa Masdaruhā*, Qāherah: Dār Salām. h. 84.

<sup>29</sup> Ibn Khaldun, ‘Abd al-Rahman (1957). *Tārīkh Ibn Khaldūn*, Lubnan: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, h. 403.

<sup>30</sup> Al-Qadhi, Abd al-Fattah (t.th), *Tarīkh al-Muṣḥaf al-Syarīf*, Mesir: Maktabah al-Jundī, h. 9.

<sup>31</sup> Muhsin Ahmad (2002). *Pengukuhan Hafazan: Formula dan Tindakan, Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 5.

<sup>32</sup> Al-Hamad, Ghanīm Qadduri al (1982). *Rasm al-Muṣḥaf Dirāsah Lughawiyah Tārikhiyyah*, Bahgdād: al-Lajnah al-Waṭāniyyah lil Iḥtifāl bi Matla al-Qarn al-Khamis Ashar al-Hijrī, h. 99.

<sup>33</sup> Ṣālih, Subhī al (1985). *Mabāhit fī Ulūm al-Qurān*, Bayrūt: Dār al-Ilm lil Malāyīn, Cet. 16, h. 22.

<sup>34</sup> Mannā' al-Qaṭṭān (1995), *Mabāhit Fi 'Ulūm al-Qurān*. Qāherah: Maktabah Wāhbah, h. 133.

<sup>35</sup> Bukhārī, Muhammed bin Ismā'il al (1422H), *al-Jamī' al-Ṣāḥīḥ*, TTP: Tawq al-Najah, h. 477.

merasa khuatir akan kehilangan al-Quran. Kekeliruan ini mulai timbul implikasinya setelah sebahagian besar sahabat daripada kalangan *huffaz* terkorban dalam pertempuran menentang golongan murtad di peperangan al-Yamamah, kira-kira pada tahun 12H/634M.<sup>36</sup> Sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah, Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. berhadapan dengan krisis murtad dalam kalangan umat Islam.<sup>37</sup> Sebahagian besar daripada penduduk Islam yang tinggal di luar kawasan Mekah dan Madinah menjadi murtad kerana mengingkari kewajipan mengeluarkan zakat kepada Khalifah Abū Bakr al-Šiddīq r.a. yang mengganti Rasulullah s.a.w. selepas kewafatan Baginda s.a.w.<sup>38</sup>

Khalifah Abū Bakr al-Šiddīq r.a. menghadapi golongan ini sewaktu kerajaan pimpinannya masih di peringkat awal. Pada tahun 12H/634M pasukan tentera Islam yang dipimpin oleh Khalid bin al-Walid diutuskan ke daerah al-Yamāmah<sup>39</sup> untuk memerangi golongan murtad, yang diketuai oleh Musaylamah al-Kadhdhab. Pertempuran ini telah mengorbankan seramai tujuh ratus orang *huffaz* daripada kalangan sahabat r.a. dan terdapat juga pendapat yang mengatakan lima ratus orang.<sup>40</sup> Melihat hal demikian, khalifah Abu Bakr r.a. telah menerima cadangan Saiyidina Umar bin al-Khattab r.a. supaya al-Quran dikumpulkan pada satu tempat demi kepentingan umat Islam akan datang.<sup>41</sup> Zayd bin Thabit r.a. ialah salah seorang penulis wahyu pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. telah diberi amanah untuk menjayakan pengumpulan al-Quran ini.<sup>42</sup> Beliau dengan kepakarannya berusaha menulis semula ayat-ayat al-Quran dari awal hingga akhir dan menghimpunkannya dalam satu *mushaf*. Penulisan al-Quran di peringkat ini lebih tertumpu kepada susunan ayat dalam surah tertentu berdasarkan sumber hafalan dan catatan para Sahabat r.a. Al-Quran yang dikumpulkan pada masa Khalifah Abū Bakr al-Šiddīq r.a. ini dikenali dengan nama *mushaf Abū Bakr*.<sup>43</sup>

Proses pembukuan al-Quran pula telah dimulakan oleh Khalifah Uthmān bin Affān r.a. setelah dua tahun beliau menerajui pemerintahan (644-656M), iaitu kira-kira pada tahun 25H/646M.<sup>44</sup> Tujuannya ialah untuk menyatukan umat Islam supaya berpegang kepada satu bentuk *mushaf*. Sempena dengan usaha yang dilakukan itu, *mushaf* al-Quran telah diwartakan

<sup>36</sup> Ali Muhammād al-Dabbā‘ (1999), *Samīr al-Tālibīn fi Rasm wa Dabṭ Kitāb al-Mubīn*, Cet. 1. Qāherah: Maktabah al-Azhār li al-Turath, h. 9.

<sup>37</sup> Ibn Kathīr, Abū Fida’ Ismā‘īl bin ‘Umar (1997), *al-Bidāya Wa al-Nihāyah*, Qāherah: Hajar, 326.

<sup>38</sup> Al-Qadhbī, Abd al-Fattah (t.th), *Tarīkh al-Muṣḥaf al-Syarīf*, Mesir: Maktabah al-Jundī, h. 12.

<sup>39</sup> Yamāmah sekarang ini dikenali dengan nama *al-‘Arid*. Ia merupakan sebuah daerah yang terletak di Timur Riyadh, Arab Saudi. Bukhārī, Muhammad bin Ismā‘īl al-(1422H), *Jami‘ al-Ṣaḥīḥ*, TTP: Ṭawq al-Najāh, h. 477.

<sup>40</sup> Zubaydi, Afif al-Din Uthman bin Umar al-(1411H), *Idah Syarḥ al-Imām al-Zubaydī alā Matn al-Durrāh fi al-Qiraāt al-Thalath al-Mutammimah li al-Qiraāt al-Asyar al-Jazārī*, h. 141.

<sup>41</sup> Mannā’ al-Qaṭṭān (1995), *Mabāhith Fi ‘Ulūm al-Qur‘ān*. Qāherah: Maktabah Wahbah, h. 125.

<sup>42</sup> Muṣṭafā Ṣadiq al-Rafi‘e (2006), *Ijāz al-Qurān wa al-Balāghah al-Nabawiyyah*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-Arabi, h. 31.

<sup>43</sup> Ibn Kathīr, Imad al-Dīn Abī al-Fida Ismā‘il (1992). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, Jil 3, h. 332.

<sup>44</sup> Hindawī, Ali Ismā‘īl al-Sayyid (1410H). *Jamī‘ al-Bayān fi Ma‘rifah Rasm al-Qurān*, Riyādh: Dār al-Furqān, h. 233.

namanya dengan menggunakan nama Khalifah Uthmān, iaitu *Muṣḥaf Uthmāni*<sup>45</sup> dan seterusnya diisytiharkan untuk diterima pakai dalam kalangan umat Islam seluruhnya.<sup>45</sup>

Pada zaman Khalifah Uthmān bin Affān r.a., umat Islam mula menjelajah dan tinggal di daerah-daerah berasingan di luar kawasan Mekah dan Madinah. Di setiap daerah yang diduduki umat Islam, terdapat tidak kurang seorang syaykh atau guru yang mengajar al-Quran. Penduduk Negeri Syam contohnya, mempelajari al-Quran daripada Ubay bin Ka'ab (w.30H). Manakala penduduk daerah Kuffah mempelajari al-Quran daripada Abdullah bin Mas'ūd (w.32H). Penduduk daerah Başrah mempelajari al-Quran daripada Abū Mūsa al-Ash'arī (w.44H).<sup>46</sup> Implikasi daripada persekitaran dan suasana pengajaran serta pembelajaran al-Quran yang berbeza ini, timbulah bentuk bacaan al-Quran yang tidak seragam dalam kalangan masyarakat Islam pada ketika itu.<sup>47</sup>

Pemasalahan ini disedari oleh Hudhayfah ibn al-Yaman (w.38H). Beliau merupakan ketua angkatan tentera Islam dalam operasi menawan daerah Armenia dan Azerbaijan pada tahun 25H.<sup>48</sup> Dalam perjalanan beliau bersama angkatan tentera Islam menuju ke Wilayah Azerbaijan dan Armenia.<sup>49</sup> Beliau mendapati wujudnya ketidakseragaman dalam kalangan jemaah pasukan tentera Islam dalam pembacaan al-Quran sehingga hampir-hampir sampai peringkat kafir mengkafir di antara satu sama lain disebabkan masing-masing menyalahkan bacaan pihak lain.<sup>50</sup> Berita yang mendukacitakan ini telah mendorong Khalifah Uthmān bin Affān r.a. segera membukukan al-Quran. Matlamatnya ialah untuk menyatupadukan umat Islam dalam pembacaan mereka, iaitu dengan menggunakan pakai satu bentuk *mushaf* al-Quran sahaja. Ini secara tidak langsung dapat membendung umat Islam daripada kekeliruan yang boleh membawa kepada salah faham terhadap makna al-Quran.<sup>51</sup>

Usaha pembukuan *mushaf* al-Quran telah diamanahkan kepada para penulis dalam kalangan sahabat r.a. yang dilantik oleh Khalifah Uthmān bin Affān r.a. sendiri. Para penulis wahyu dalam kalangan sahabat r.a. tersebut dianggotai empat tokoh sahabat r.a. Mereka terdiri daripada Zayd bin Thabit al-Khazraji (w.45H), beliau dipilih mempergunakan jawatankuasa penulis *mushaf* berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki dalam bidang penulisan al-Quran. Beliau juga bertindak sebagai pengurus dan secara tidak langsung beliau mewakili kaum Anṣār. Sementara tiga orang lagi ialah Sayyid bin al-As

<sup>45</sup> Qāri, Abd al-Azīz bin Abd al-Fattah (1402H). *Al-Taqrīr al-Ilmī an Muṣḥaf al-Madīnah al-Nabawiyah*, Madinah: Mujamma al-Malik Fahd li Taba'ah al-Muṣḥaf al-Shārif, h. 8.

<sup>46</sup> Qaḍī, Abd al-Fattah (1990), *al-Wafi fi Sharḥ al-Shāfi*, Jeddah: Maktabah al-Siwadi li a-Tawzī. Cet. 3, h. 58.

<sup>47</sup> Sabūni, Muḥammad Ali al (T. th). *Al-Tibyān fi Ulūm al-Qurān*, Bayrūt: Alām al-Kutub, h. 59-60.

<sup>48</sup> Muṣṭafa Ṣadiq al-Rafī'i (2006). *I'jāz al-Qur'ān wa al-Balāghah al-Nabawiyah*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-Arabi, h. 28-29.

<sup>49</sup> Armenia dan Azerbaijan merupakan dua daerah yang terletak di kawasan Timur Laut Qazwin, Turki. Al-Zarqānī, Muḥammad Abdul Al-Azīm (1988). *Manahil Urfan Fi Ulūm Al-Qur'ān*, Bayrūt: Dār al-Fikr. Jld. 2. h. 32.

<sup>50</sup> Bunaylī, Aḥmad al (1989), *al-Ikhtilāf Bayna al-Qiraāt*, Bayrūt: Dār al-Jabal, h. 63.

<sup>51</sup> Maudūdī, Abū Alā al (1971), *Mabādi' Asāsiyyah li Fahm al-Qurān*, Terj. (Arab), Khalīl al-Hamidi, Kuwayt: Dār al-Qalām. Cet. 3, h. 45.

Umawi (w.59H),<sup>52</sup> Abd Allah bin al-Zubair Asadi (w.73H),<sup>53</sup> dan Abd al-Rahman bin al-Harith bin Hisham Makhzumi (w.43H)<sup>54</sup> yang mewakili kaum Quraysh.<sup>55</sup> Kumpulan ini melaksanakan proses penulisan *mushaf* berpandukan garis panduan yang digubal oleh khalifah Uthman bin Affan r.a.<sup>56</sup> Antara garis panduan yang ditetapkan oleh Khalifah Uthman bin Affan r.a. adalah seperti berikut:

- i. *Mushaf Abū Bakr r.a.* adalah sumber rujukan utama di samping hafalan dan catatan para sahabat r.a.<sup>57</sup>
- ii. Pembentukan struktur perkataan berteraskan loghat (*lahjah*) Quraysh kerana ia lebih fasih berbanding loghat-loghat Arab yang lain.<sup>58</sup>
- iii. Pemilihan ayat berdasarkan bacaan teramai iaitu *Qiraat Mutawatirah*.<sup>59</sup> Sebagai contoh ialah ayat وَالصَّلَاةُ الْوُسْطَى (al-Baqarah 2: 238). Dalam *mushaf Hafṣah*, pada ayat ini ditambah perkataan صَلَاةُ الْوُسْطَى selepas perkataan وَالصَّلَاةُ الْوُسْطَى, iaitu وَالصَّلَاةُ الْوُسْطَى . Disebabkan ayat ini hanya terdapat pada *mushaf Hafṣah* sahaja, maka Qiraat seperti ini tidak diambil kira kerana terkeluar daripada *Qiraat Mutawatirah*.<sup>60</sup>
- iv. Mana-mana struktur perkataan yang boleh dibaca mengikut pelbagai bentuk bacaan (*wajhu al-Qiraat*), hendaklah diselaraskan penulisannya dalam semua naskhah, seperti perkataan مَالِكٌ يَوْمَ الْبَيْنِ yang terdapat dalam firman Allah s.w.t. (al-Fatiha 1: 4). Perkataan ini ditulis *hadhf alif* bagi membolehkan ia dibaca mengikut pelbagai bentuk bacaan Qiraat, iaitu sama ada memanangkan huruf *Mim*, مَالِكٌ atau memendekkannya seperti مَلِكٌ.<sup>61</sup>

<sup>52</sup> Beliau adalah seorang Gabenor di daerah Kuffah dan menjadi ketua angkatan tentera Islam dalam operasi penaklukan daerah Tabaritan dan Jarjan. Meninggal dunia pada tahun 59H. Bunayli, Ahmad al (1989), *al-Ikhtilaf Bayna al-Qiraat*, Bayrut: Dar al-Jabal, h. 63.

<sup>53</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 1H. Seorang tentera Islam yang menyertai penaklukan bandar Farsi, Mesir dan Utara Afrika. Bunayli, Ahmad al (1989), *al-Ikhtilaf Bayna al-Qiraat*, Bayrut: Dar al-Jabal, h. 63.

<sup>54</sup> Beliau adalah seorang pakar rujuk dalam bidang *fiqh* di Madinah. Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar al- (1989), *Fath al-Bari Syarḥ Sahih al-Bukhari*, Bayrut: Dar al-Ma'rifah, h. 45.

<sup>55</sup> Masjuf Zuhdi (1980), *Pengantar Ulum al-Qur'an*, Surabaya: Pt. Bina Ilmu, h. 17.

<sup>56</sup> Masjuf Zuhdi (1980), *Pengantar Ulum al-Qur'an*, Surabaya: Pt. Bina Ilmu, h. 17.

<sup>57</sup> Abū Ṣahibah, Muhammad Muhammadi (1987), *al-Madkhāl li Dirāsat al-Qurān al-Karīm*, Riyād: Dar al-Liwā, Cet. 3, h. 287.

<sup>58</sup> Qattān, Manna' Khalil al (1990), *Mabāhith fi Ulūm al-Qurān*, Qāhirah: Maktabah Wahbah, Cet. 7, h. 42.

<sup>59</sup> Hassan, Muhammad Ali al (1983), *al-Manār fi Ulūm al-Qurān*, Amman: Matba'ah al-Sharq wa Maktabatuhu, h. 93.

<sup>60</sup> Faḍlī, Abd al-Hādi al (1985), *al-Qiraāt al-Qurāniyah*, Bayrut: Dar al-Qalām, Cet. 3, h. 276.

<sup>61</sup> *Ibid.*, h. 277.

- v. Mana-mana struktur yang tidak boleh dibaca mengikut pelbagai bentuk bacaan, hendaklah ditulis sejajar dengan *Qiraat* yang diamalkan oleh masyarakat Islam setempat. Sebagai contoh ialah perkataan **وَقَالُواْ** yang terdapat sepertimana firman Allah s.w.t. **وَقَالُواْ أَنْخَذَ اللَّهُ وَلَدًا** (al-Baqarah 2: 116). Ia ditulis tanpa huruf *Waw* sebelum huruf *Qaf* dalam *mushaf* yang dihantar ke negeri Syam, iaitu mengikut amalan masyarakat Islam di daerah tersebut yang mengamalkan *Qiraat* yang dipelopori oleh Ubay bin Ka'ab dengan ditulis tanpa huruf *Waw*, **قَالُواْ أَنْخَذَ اللَّهُ وَلَدًا**. Manakala *mushaf* yang akan dihantar ke daerah-daerah lain pula, ditulis dengan huruf *Waw* sebelum huruf *Qaf*, iaitu **وَقَالُواْ أَنْخَذَ اللَّهُ وَلَدًا**.<sup>62</sup>
- vi. Sekiranya wujud perselisihan pendapat dalam kalangan jawatankuasa penulis wahyu mengenai struktur perkataan, maka mereka hendaklah berjumpa dengan Saidina Uthmān bin Affān bagi menyelesaikan masalah ini. Hal ini berlaku dalam menentukan huruf untuk digunakan, sama ada perkataan **الْتَّابُوتُ** sepertimana firman Allah s.w.t. **أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْتَّابُوتُ** (al-Baqarah 2:248). Zayd bin Thabit r.a. mencadangkan supaya huruf *Ta'* dihujung perkataan **الْتَّابُوتُ** ditulis dengan huruf *Ta'* *Maftūhah* (*Ta'* terbuka). Sementara jawatankuasa penulis wahyu yang lain mencadangkan supaya ia ditulis dengan huruf *Ta'* *Marbūtah* (*Ta'* bulat), seperti **الْ تَابُوتُ**. Akhirnya, perkataan tersebut ditulis dengan huruf *Ta'* *Maftuhah* (*Ta'* terbuka), seperti setelah dirujuk kepada Khalifah Uthman bin Affan r.a. serta mendapat persetujuannya.<sup>63</sup>

*Mushaf* yang telah dibukukan itu pula disalin kepada enam naskhah, iaitu satu naskhah untuk simpanan Khalifah Uthmān bin Affān r.a. Sementara lima naskhah lagi dihantar kepada daerah-daerah besar Islam.<sup>64</sup> Diutuskan bersama naskhah Uthmāni seorang Qari khas mengajar al-Quran. Manakala Zayd bin Thābit al-Khazrājī r.a.<sup>65</sup> dilantik sebagai

<sup>62</sup> *Ibid.*, h. 117.

<sup>63</sup> Nuwayrī, Muḥammad bin Muḥammad Abi al-Qāsim al (1989), *Sharḥ al-Durrah al-Mudiyyah fi al-Qiraāt al-Thalath al-Marwiyyah*, Tahq: Sharqawī, h. 65.

<sup>64</sup> Dānī, Abū Amr Uthmān bin Sa'i id al- (2010), *al-Muqni` fi Ma`rifah Marsūm Maṣāḥif Ahl al-Amṣār*, Tahqiq: Nurah binti Ḥasan, Riyad: Dār al-Tadmuriyyah, h. 19.

<sup>65</sup> Beliau merupakan ketua angkatan tentera Islam dalam operasi penaklukan Armenia dan Azerbaijan pada tahun 25H. Bunaylī, Aḥmad al(1989), *al-Ikhtilaf Bayna al-Qirā'at*, Bayrūt: Dār al-Jabal, h. 23.

Qari di Madinah, Abd Allah al-Sā'ib r.a.<sup>66</sup> sebagai Qari di Mekah, al-Mughīrah bin Shihab r.a. dilantik sebagai Qari di Syam, Amr bin Abd al-Qays r.a. dihantar menjadi Qari di Başrah dan Abū Abd al-Rahman al-Sulamī r.a.<sup>67</sup> dilantik sebagai Qari di Kuffah.<sup>68</sup>

Daripada perbincangan di atas, dirumuskan bahawa kelainan antara *Mushaf Abū Bakr* dan *Mushaf Uthmani* dapat dilihat pada tiga aspek. Pertama, *Mushaf Abū Bakr* dikumpul demi menjaga al-Quran supaya tidak lenyap disebabkan beberapa peristiwa yang berlaku, sementara *Mushaf Uthmani* dibukukan adalah bagi menjaga perpaduan umat Islam dengan berpaksikan satu *mushaf*. Kedua, didapati tertib atau turutan surah dalam *Mushaf Abū Bakr* tidak disusun atur sebagaimana yang terdapat dalam *Mushaf Uthmani*, dan mendapati turutan surah dalam *Mushaf Uthmani* disusun mengikut tertib yang diisyaratkan oleh Rasulullah s.a.w. sebelumnya. Ketiga, *Mushaf Abū Bakr* dibuat bertujuan sebagai simpanan rujukan beliau, iaitu tidak diwartakan untuk diguna pakai dalam kalangan masyarakat Islam pada ketika itu. Manakala *Mushaf Uthmani* selain dijadikan sumber rujukan, dicetak dan diwartakan untuk diguna pakai dalam kalangan masyarakat Islam di seluruh tempat dan zaman.<sup>69</sup>

## PENAMBAHBAIKAN MUŞHAF UTHMĀNĪ

Huruf-huruf al-Quran pada mulanya tidak mempunyai titik dan baris. Ketiadaan titik pada huruf al-Quran memberi peluang bebas bagi pembaca al-Quran meletakkan tanda sendiri sesuai dengan konteks maksud ayat yang difahami.<sup>70</sup> Hal ini menyebabkan al-Quran dipinggir oleh sebahagian masyarakat Islam yang tidak mendalam Bahasa Arab. Al-Zarqānī mengatakan bahawa perubahan mushaf al-Quran seiring dengan perubahan masa yang mana ramai dalam kalangan umat Islam merasa tertekan untuk membaca dan memahami isi kandungan al-Quran.<sup>71</sup> Ini disebabkan mereka tidak boleh menyebut huruf-huruf al-Quran tanpa baris dan titik. Melihat kepada masalah besar yang timbul ini, huruf-huruf al-Quran perlu diletakkan tanda.

---

<sup>66</sup> Nama beliau ialah Abd Allah bin al-Sa'ib Shaifi bin Aidz bin Abd Allah bin Makhzum al-Makhzumi. Beliau termasuk sahabat yang hafal al-Quran dan ahli bacaan al-Quran terutama di kota Makkah. Beliau pernah belajar al-Quran bersama sahabat Ubay bin Ka'ab. Al-Zurqānī, Muḥammad Abd al-Azīm (1995), *Manāhil al-Arfān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabi, h. 396-397.

<sup>67</sup> Nama beliau ialah Muḥammad Ibn Ḥusain Ibn Muḥammad Ibn Mūsa al-Azdī. Beliau dilahirkan pada tahun 325H dan wafat pada zaman al-Hajjaj iaitu pada bulan Sya'ban tahun 412H. Beliau menghafal al-Quran dari 'Ali bin Abi Tālib. Al-Zurqānī, Muḥammad Abd al-Azīm (1995), *Manāhil al-Arfān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabi, h. 396-397.

<sup>68</sup> Al-Zurqānī, Muḥammad Abd al-Azīm (1995), *Manāhil al-Arfān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabi, h. 396-397.

<sup>69</sup> Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-(t.t). *al-Itqān Fi 'Ulūm al-Qurān*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 47.

<sup>70</sup> Muḥayṣīn, Muḥammad Sālim (1989), *Irshād al-Tālibīn ila Dabṭ al-Kitāb al-Mubīn*, Qāhirah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, h. 25.

<sup>71</sup> Al-Zarqānī, Muḥammad Abd al-Azīm al-Zarqānī (1995), *Manāhil al-Irfān Fi Ulūm al-Qurān. Juz al-Awwal*, Dār Kitāb al-Arabi. Bayrūt. h. 41.

Antara bentuk-bentuk penambahbaikan yang telah dilakukan ialah meletakkan titik-titik perkataan dan baris-barisnya.<sup>72</sup> Usaha meletakkan tanda-tanda pada huruf al-Quran ini mula dilakukan setelah melihat bilangan masyarakat Islam daripada kalangan bukan Arab semakin meningkat dari semasa ke semasa. Ia dilakukan supaya al-Quran mampu dibaca oleh setiap umat Islam yang terdiri daripada pelbagai kaum dan puak, keturunan serta etnik. Imam al-Nawawi menjelaskan, majoriti ulama bersetuju dalam meletakkan titik dan baris bertujuan untuk memelihara al-Quran daripada kesalahan penyebutan huruf yang tidak jelas serta tidak fasih semasa membaca al-Quran.<sup>73</sup> Proses meletakkan tanda pada al-Quran adalah melalui beberapa peringkat antaranya bermula dari tanda baris (*al-harakah*), kemudian diikuti dengan titik huruf, tanda mati (*al-sukūn*), tanda panjang (*mad*), tanda sabdu (*al-tashdīd*) dan lain-lain lagi. Tanda-tanda tersebut penting kerana ia dapat mengelak berlaku kesilapan menulis dan membaca al-Quran.<sup>74</sup>

Tanda baris (*al-harakah*) telah dilhamkan oleh Abū al-Aswād al-Du’alī (w.69H)<sup>75</sup> di awal kerajaan Muawiyah bin Abī Sufyān (660-680H), iaitu pengasas kerajaan Bani Umayyah. Manakala titik huruf pula, telah dipelopori oleh Yaḥyā bin Ya’mūr (w. 90H)<sup>76</sup> atas perintah Gabenor Iraq, al-Ḥajjāj bin Yūsuf al-Thaqafī sewaktu kerajaan Bani Umayyah diterajui Khalifah Abdul Mālik bin Marwān dalam sekitar tahun 685-705H.<sup>77</sup> Pada tahun 1887M, muncul pula seorang tokoh ulama al-Azhar yang terkemuka, Syaykh Rīḍwān bin Muḥammad al-Mukhallatī.<sup>78</sup> Dengan kepakarannya beliau berusaha menambah beberapa catatan dan tanda-tanda lain yang sesuai, seperti tempat penurunan surah sama ada *Makkīy* (Mekah) atau *Madāniy* (Madinah), bilangan ayat bagi setiap surah, nombor ayat, bilangan juzu’, tanda *al-Sajdah*, tanda *al-Saktah*, tanda jenis-jenis *al-Waqf* dan sebagainya.<sup>79</sup>

Oleh yang demikian, seni *mushaf* terus berkembang selari dengan perkembangan sejarah tamadun Islam dari Semenanjung Arab ia berkembang ke Kuffah, Syam, Mesir, Turki, Farsi dan Andalus. Seni *mushaf* menempa zaman keemasan dalam pemerintahan Mamluk di Mesir pada abad ke 13H.<sup>80</sup> Pada masa kini, al-Quran Rasm Uthmani telah dinaiktaraf lagi dengan penambahan warna-warna yang menunjukkan hukum-hukum Tajwid

<sup>72</sup> Sya’bān Muḥammad Ismā’īl (2008), *Rasm al-Mushaf wa Ḏabṭuh*, Makkah: Maktabah Ihya’ Turāth al-Islāmī, h. 18.

<sup>73</sup> Al-Nawawī, Abū Zakaria Yaḥyā bin Syarf (1987), *Al-Tibyān fī Adab Ḥamlah al-Qurān*, Dār al-Nafais. Bayrūt, h. 52.

<sup>74</sup> Muḥayṣin, Muḥammad Sālim (1989), *Irshād al-Ṭālibīn ilā Ḏabṭ al-Kitāb al-Mubīn*, Qāhirah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, h. 64.

<sup>75</sup> Beliau adalah salah seorang Tabi’i yang mempelajari al-Quran dan Bahasa Arab bersama Saidina Ali bin Abī Ṭālib r.a. Merupakan orang pertama mengilhamkan baris.Wikipedia Ensiklopedia Bebas. [http://ar.wikipedia.org/wiki/%D8%A5%D8%A8\\_%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%84%D9%8A%D9%84](http://ar.wikipedia.org/wiki/%D8%A5%D8%A8_%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%84%D9%8A%D9%84). (16 Julai 2017).

<sup>76</sup> Beliau adalah salah seorang tokoh Qiraat dan Lughah yang terkemuka dalam kalangan generasi Tabi’i. Wikipedia Ensiklopedia Bebas. [http://ar.wikipedia.org/wiki/%D8%A5%D8%A8\\_%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%84%D9%8A%D9%84](http://ar.wikipedia.org/wiki/%D8%A5%D8%A8_%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%84%D9%8A%D9%84). (16 Julai 2017).

<sup>77</sup> Dāni, Abū ‘Amrū Uthmān bin Saīd al (T.th), *al-Muqni’ fī Rasm Mushaf al-Amṣar ma’ a Kitāb al-Nuqt*, Qāhirah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, h. 129.

<sup>78</sup> Al-Qadhi, Abd al-Fattah (t.th), *Tarīkh al-Muṣṭaf al-Syarīf*, Mesir: Maktabah al-Jundī, h. 91-92.

<sup>79</sup> Qādi, Abd al-Fattah al (1990), *al-Wafī fī Sharḥ al-Shātibi*, Jeddah: Maktabah al-Siwadī li al-Tawzī. Cet. 3, h. 104.

<sup>80</sup> R. al-Faruqi (1999), *Atlas Budaya Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), h. 172.

tertentu. Ia juga berkembang ke persada Nusantara sejajar dengan perkembangan Islam di rantau ini.

## KEISTIMEWAAN RASM MUŞHAF UTHMĀNĪ

Sepertimana telah dijelaskan bahawa al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab Quraisy.<sup>81</sup> Pemilihan Allah s.w.t. terhadap bahasa itu sebagai bahasa al-Quran tentunya bahasa ia mengandungi kekuatan dan keistimewaan yang tersendiri yang tidak terdapat dalam bahasa lain, selain dari itu Nabi Muhammad s.a.w. itu sendiri berbangsa Arab dan bertutur dalam bahasa Arab, sepertimana firman Allah s.w.t.:

وَإِنَّهُ لَتَنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٢﴾ عَلَىٰ قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٣﴾ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٤﴾

بِلِسَانٍ عَرَبِيًّا مُّبِينٍ ﴿١٥﴾

Maksudnya :

*“Dan sesungguhnya al-Quran itu benar-benar diturunkan oleh Tuhan semesta Alam. Ia dibawa turun oleh al-Ruh al-Amin (Jibril) ke dalam hatimu (Muhammad) agar kamu menjadi salah seorang pemberi ingat (Rasul) iaitu dalam bahasa Arab yang jelas”.*<sup>82</sup>

*Rasm Muşhaf Uthmānī* mempunyai keistimewaan, kemantapan dan keunikian kerana terdapat beberapa kelebihan seperti *rasm Uthmani* merupakan struktur kalimah dan kaedah bacaan al-Quran yang menepati sunnah. Ia adalah suatu suruhan yang diikuti berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

مَنْ دَعَا إِلَىٰ هُدًىٰ كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أَجْوَرِ مَنْ تَبَعَهُ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيئًا .<sup>83</sup>

Maksud hadīth :

*“Sesiapa yang menyeru kepada petunjuk Allah (kebaikan), maka baginya pahala seperti mana orang yang menyahut seruannya (melakukan kebaikan) itu dan tidak dikurangkan sedikitpun pahala tersebut.”*

Seterusnya, ia merupakan satu kaedah untuk penyatuan masyarakat Islam khususnya dalam konteks mengguna pakai *Mushaf Uthmani* dalam versi yang sama. Ini dapat

<sup>81</sup> Abū Fattāḥ al-Sayyid Ajamī al-Mirsāfī (2008), *Hidāyah al-Qāri Ila Tajwīd Kalām al-Bārī*, Cet. 1, Qāhirah :Dār Majd Islāmī, h. 16.

<sup>82</sup> Surah al-Syu'arā' (26): 192-195.

<sup>83</sup> Abū al-Ḥusāyn Asākir al-Dīn Muslim bin Al-Ḥajjāj bin Muslim bin Ward bin Kawshādh al-Qusyairī al-Naysābūri (1996), *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Bāb Man Sanna Sunnatan Ḥasanatan aw Sayyi'atan*, no. hadith 2674.

mengelakkan konflik seluruh masyarakat Islam dalam mengguna pakai *mushaf* dengan versi yang berbeza-beza.<sup>84</sup> Ini menepati ḥadīth Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

”وَأَيُّكُمْ وَمُحْدَثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّهَا ضَلَالٌ فَمَنْ أَذْرَكَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَعَلَيْهِ بِسْتَيْ وَسَنَةِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ  
الْمَهْدِيِّينَ عَصَوْا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ.“<sup>85</sup>

Maksud ḥadīth :

“Jauhilah bid’ah kerana ia sesat. Oleh itu, berpeganglah kepada sunnahku dan sunnah al-Khulafa’ al-Rasyidin yang telah diberi hidayah, berpeganglah sunnah tersebut dengan kuat dan kukuh.”

Hadīth di atas adalah jelas memberi maksud agar mengikuti dan mengamalkan apa yang dibuat oleh para sahabat r.a. Antara perkara yang mereka lakukan ialah menulis *mushaf* dengan sahabat r.a. yang masih hidup ketika itu ialah seramai dua belas ribu orang.<sup>86</sup> Menurut Qadwuri,<sup>87</sup> umat Islam telah bersepakat bahawa mengikut para sahabat r.a. dan *ijma’ ṣaḥābi* adalah satu hujah sebagaimana diputuskan oleh ulama usul.<sup>88</sup> Oleh itu, wajib kepada kita mengikuti apa yang mereka tulis dan menyalahi mereka adalah menyalahi *ijma’*.

## KAEDAH RASM MUŞHAF UTHMĀNĪ

Sebagaimana yang telah sedia maklum, *Rasm Uthmani* yang telah diasaskan oleh Khalifah Uthmān bin Affān r.a. merupakan satu kaedah penulisan ayat-ayat suci al-Quran yang amat hebat dan tinggi nilainya. Huruf-huruf yang ditulis di dalam *mushaf-mushaf Uthmaniah* yang asal adalah tanpa titik baris tidak seperti *mushaf* ada masa kini.<sup>89</sup> Perbezaan antara *Rasm Uthmānī* dan *Rasm Imlā’i* sebagaimana yang telah dinyatakan oleh para ulama *rasm* terhimpun di dalam enam perkara iaitu *al-Hadhf*, *al-Ithbāt*, *al-Hamz*, *al-Badl*, *al-Faṣl* dan *al-Waṣl* serta yang keenam *Mā Fihi Qirāatān Kutiba alā Ihdāhumā* (perkataan yang boleh

<sup>84</sup> Hindawi, Ali Ismail al-Sayyid (1410H), *Jami’ al-Bayān fī Ma’rifah Rasm al-Qurān*, Riyāḍ: Dār al-Furqān, h. 24.

<sup>85</sup> Al-Tirmizi, Abī Isā Muḥammad bin Isā bin Saurah. (2002). *Sunan Al-Tirmizi. Al-Jami’ al-Ṣohīḥ*, Dār Ma’rifah. Bayrūt, *Bāb al-Akhz bi al-Sunnah*, no. Hadith 2676. Hadith ini adalah hadith *Hasan Ṣaḥīḥ*.

<sup>86</sup> Ibn Kathīr, Abū Fidā’ Isma’īl bin ‘Umar (1997), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Qāherah, h. 355.

<sup>87</sup> Ghānim Qadwuri al-Hamad yang dikenali dengan panggilan Qadwuri adalah seorang pensyarah di Fakulti Syariah, Universiti Baghdad. Beliau mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang penulisan *mushaf*. Karya beliau bertajuk *Rasm al-Mushaf: Dirāsah Lughawiyah Tārikhiyyah* merupakan antara sumber rujukan umum dalam bidang berkaitan.

<sup>88</sup> Ghānim Qadwuri al-Hamad, *Rasm al-Mushaf: Dirāsah Lughawiyah Tārikhiyyah*, Baghdad: al-Lajnah al-Wataniyyah, 1982.h. 210-211.

<sup>89</sup> Abū Abd Allah Muḥammad bin Abd Allah al-Tanāsi (1420H), *al-Tirāz fī Sharḥ Dabṭ al-Kharrāz*, Saudi Arabia: Mujamma’ Al-Malik Fahd, h. 39.

dibaca oleh dua *Qiraat Mutawātirah* ditulis dengan salah satunya).<sup>90</sup> Aspek-aspek ini akan diuraikan secara terperinci seperminta berikut:

### 1. *Al-Hadhf* (Membuang)

Secara literal perkataan *Hadhf* dalam bahasa Arab adalah berasal daripada kata dasar *hadhf* membawa maksud membuang atau menghilangkan sesuatu.<sup>91</sup> *Hadhf* huruf adalah salah satu daripada enam kaedah utama *Rasm Uthmani*.<sup>92</sup> Huruf-huruf yang di *hadhf* di dalam penulisan *Rasm Uthmani* ialah lima huruf iaitu *alif*, *waw*, *ya'*, *lam* dan *nun*.<sup>93</sup> Dalam ilmu Rasm istilah *hadhf* adalah bermaksud menggugurkan salah satu daripada lima huruf Hijaiyyah iaitu *alif*, *waw*, *ya'*, *lam* dan *nun*.<sup>94</sup> Antara kelima-lima huruf tersebut *hadhf* sering berlaku pada tiga huruf iaitu huruf *alif*, *waw* dan *ya'* berbanding huruf *lam* dan *nun*.<sup>95</sup>

*Hadhf* huruf yang terdapat di dalam al-Quran terbahagi kepada tiga kategori:<sup>96</sup>

#### a. *Hadhf Ishārah*

Maksud *hadhf Ishārah* ialah *hadhf* yang berlaku pada perkataan-perkataan yang boleh dibaca dengan lebih daripada satu *Qiraat*. *Hadhf* tersebut untuk memberi isyarat bahawa terdapat *Qiraat* yang lain dan boleh dibaca pada perkataan

tersebut.<sup>97</sup> Seperti *hadhf* alif dalam perkataan **أُسْكَرَىٰ تَفْذِوْهُمْ**.<sup>98</sup> Bagi

perkataan **أُسْكَرَىٰ** *hadhf* alif adalah isyarat kepada Qiraat Hamzah yang

membaca dengan *hadhf* alif **أُسْرَىٰ**. Bagi perkataan **تَفْذِوْهُمْ** pula *hadhf* alif

<sup>90</sup> Sya'bān, Muḥammad Ismaīl (1997), *Rasm al-Muṣḥaf wa Ḏabtuḥu Bainā al-Tauqīf wa al-Iṣṭilāḥāt al-Hadīthah*, Dār al-Salām, Qāherah, h. 39.

<sup>91</sup> Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukram bin ‘Alī bin Manzūr (1414H). *Lisān al-‘Arab*, c. 3. Bayrūt: Dār Ṣādir, h. 39.

<sup>92</sup> Tunisi, Abū Ishaq Ibrāhīm bin Aḥmad al-Marighnī al- (2005), *Dalīl al-Hayrān ‘Ala Mawrid al-Zam’ān*, Qāherah: Dār al-Ḥadīth, h. 66.

<sup>93</sup> Aḥmad Malik Ḥammad al-Futī (1963), *Miftah al-Aman fi Rasm al-Qurān*, Dakkar: Dār al-Singhāliyyah, h. 14.

<sup>94</sup> Aḥmad Malik Ḥammad al-Futī (1963), *Miftah al-Aman fi Rasm al-Qurān*, Dakkar: Dār al-Singhāliyyah, h. 6.

<sup>95</sup> Tunisi, Abū Ishaq Ibrāhīm bin Aḥmad al-Marighnī al- (2005), *Dalīl al-Hayrān ‘Ala Mawrid al-Zam’ān*, Qāherah: Dār al-Ḥadīth, h. 66.

<sup>96</sup> Ashraf Muhammad Fu’ad Tal’at (2003), *Safir al-‘Alamin fi Idah wa Tahrir Samir al-Talibin fi Rasm wa Ḏabt al-Kitab al-Mubin*, Brunei: Kementerian Pendidikan, h. 69 dan al-Marighnī, *Dalīl al-Hayrān*, h. 66.

<sup>97</sup> Tunisi, Abū Ishaq Ibrāhīm bin Aḥmad al-Marighnī al-(2005), *Dalīl al-Hayrān ‘Ala Mawrid al-Zam’ān*, Qāherah: Dār al-Ḥadīth, h. 66.

<sup>98</sup> Tunisi, Abū Ishaq Ibrāhīm bin Aḥmad al-Marighnī al-(2005), *Dalīl al-Hayrān ‘Ala Mawrid al-Zam’ān*, Qāherah: Dār al-Ḥadīth, h. 66.

isyarat bagi Qiraat Ibn Kathīr, Abū ‘Amr, Ibn ‘Amir, Hamzah dan Khalaf, mereka membaca dengan *hadhf* alif تَفْدُوهُمۡ.<sup>99</sup>

b. *Hadhf Ikhtiṣar*

Maksud *hadhf Ikhtiṣar* ialah *hadhf* yang tidak dikhususkan kepada sesuatu perkataan tertentu sahaja seperti *hadhf alif* bagi perkataan *Jama’ al-Mudhakkar* atau *al-Muannath al-Salim*<sup>100</sup> contoh صَدِقَينٍ<sup>101</sup> وَالنَّزَعَتِ<sup>102</sup>. Bahawa kedua-dua jenis *jama’* ini secara amnya ditulis dengan *hadhf* alif.

c. *Hadhf Iqtiṣar*

Maksud *hadhf Iqtiṣar* ialah *hadhf* alif bagi perkataan yang khas<sup>103</sup> seperti الْمِعَدِ<sup>104</sup> dimana perkataan ini berada di dalam surah al-Anfāl sahaja yang ditulis dengan *hadhf* alif manakala bagi tempat-tempat yang lain ia ditulis dengan *ithbāt* alif.<sup>105</sup>

## 2. *Al-Ithbāt* (Menetap/Mengekal)

Manakala *ithbat* pula ialah menetapkan atau mengekalkan huruf-huruf tersebut di dalam sesuatu ejaan. Perkataan *al-Ithbāt* dalam bahasa Arab adalah berasal daripada kata dasar *thbata* yang membawa maksud menetapkan atau mensabitkan.<sup>106</sup> Maka dengan ini dapat difahami bahawa perkataan *ithbāt* adalah lawan bagi perkataan *hadhf*. Di dalam ilmu rasm tidak dibincangkan *ithbāt* sebagai topik yang khusus kerana *ithbāt* adalah ejaan asal atau ejaan biasa. Sedangkan fungsi ilmu *rasm* ialah untuk membincangkan ejaan yang berbeza dengan ejaan biasa.<sup>107</sup> Dalam ilmu *Rasm Uthmani*, terdapat huruf tambahan pada beberapa struktur perkataan. Huruf-huruf yang ditambah adalah huruf *alif*, *waw* dan *ya’*. Sebenarnya, huruf-huruf tersebut tidak terdapat pada struktur perkataan yang asal. Ia ditambah berdasarkan kepada dua keadaan berikut:<sup>108</sup>

<sup>99</sup> Banna, Alḥmad bin Muḥammad al(2006), *Ithaf Fudala’ al-Bashar bi al-Qiraāt al-Arba’ah Ashār al-Musamma Muntaha al-Amāni wa al-Musarrat fi Ulūm al-Qirā’at*, Bayrūt: Alam al-Kutūb al-Ilmiyyah, h. 184.

<sup>100</sup> *Jama’ al-Mudhakkar* atau *al-Muannath al-Sālim* ialah perkataan *jama’* yang merujuk kepada dua orang atau lebih dengan tambahan di akhirnya dengan huruf *waw* dan *nun* atau *ya’* dan *nun*. Abd Raḥman bin Muḥammad bin Qāsim (1988), *Hashiyah alā al-Ajrumiyyah*, h. 28.

<sup>101</sup> Surah al-Baqarah (2): 23.

<sup>102</sup> Surah al-Nāzi’at (79): 1.

<sup>103</sup> Tunisi, Al-Marighnī al-, *Dalīl al-Hayrān Alā Mawrīd al-Zam’ān*, h. 66.

<sup>104</sup> Surah al-Anfāl (8): 42.

<sup>105</sup> Tunisi, Al-Marighnī al-, *Dalīl al-Hayrān Alā Mawrīd al-Zam’ān*, h. 66.

<sup>106</sup> Abū al-Fadl Muhammed bin Mukram Ibn Manzūr (1414H), *Lisān al-Arab*, Bayrūt: Dār Sadir, h. 39.

<sup>107</sup> Tunisi, Al-Marighnī al-, *Dalīl al-Hayrān Alā Mawrīd al-Zam’ān*, h. 67.

<sup>108</sup> Qamhāwi, Muḥammad al-Ṣadiq (T.th.), *al-Kawkab al-Dūrri fi Sharḥ Tayyibah Ibn al-Jazārī*, Qāhirah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah, h. 44.

- a. Mengambil kira pada ketika *waqf* seperti penambahan huruf *alif* pada perkataan **الرَّسُولُ<sup>109</sup>** adalah supaya dibolehkan pembaca memberhentikan bacaan pada huruf *alif*. Mengikut *Rasm Imla'i*, perkataan ini ditulis tanpa huruf *alif* selepas huruf *lam* terakhir seperti **الرَّسُول**.
- b. Hanya merupakan huruf tambahan seperti penambahan huruf *waw* selepas huruf *alif* pada perkataan **سَأْوِيْكَمْ<sup>110</sup>**. Menurut *Rasm Imla'i*, perkataan tersebut ditulis tanpa huruf *waw* selepas huruf *alif* seperti **سَأْرِيْكَمْ**.

### 3. *Al-Hamz* (Menulis Huruf Hamzah)

*Al-Hamz* dari sudut bahasa bermaksud menekan atau menolak.<sup>111</sup> Manakala dari sudut istilah pula adalah bertutur dengan lafadz *hamzah*.<sup>112</sup> Dalam *Rasm Mushaf Uthmani*, struktur huruf *hamzah* ditulis dalam dua bentuk<sup>113</sup> iaitu bentuk pertama diberikan tanda bulatan tumpat untuk bacaan *hamzah Tashîl*, seperti **ءَنْجَحَىٰ<sup>114</sup>** dan bentuk kedua iaitu kepala huruf 'ain untuk *hamzah Tahqîq*<sup>115</sup> seperti **إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ**<sup>116</sup>.

Walaubagaimanapun secara umumnya, *hamzah* yang dibincangkan dalam *Mushaf Uthmani* terbahagi kepada jenis-jenis berikut:<sup>117</sup>

#### a. *Hamz Wasl*

*Hamzah Wasl* bermaksud *hamzah* yang ditulis dengan huruf *alif* dan tidak terdapat tempat duduk *hamzah* di atas atau di bawahnya seperti **أَهْبَطُوا<sup>118</sup>**.

<sup>109</sup> Surah al-Ahzâb (33): 66.

<sup>110</sup> Surah al-'Arâf (7): 145.

<sup>111</sup> Raid, Jubran Mas'ud (1986), *al-Mu'jam al-Lughawi al-Asri*, Bayrût: Dâr al-Ilm li al-Malâyin, h. 944.

<sup>112</sup> Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Teks al-Quran (1996), *Buku Panduan Rasm Uthmani*, Kuala Lumpur: Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia, h. 41.

<sup>113</sup> Muḥayṣin, Muhammad Salim (1989), *Irshâd al-Tâlibîn ila Dabît al-Kitâb al-Mubîn*, Qâhirah: Maktabah al-Azhariyyah li a-Turâth, h. 24.

<sup>114</sup> Surah Fuṣîlat (41): 44.

<sup>115</sup> Hamzah yang tidak berumah bermaksud huruf hamzah yang tidak mempunyai huruf *alif*, *waw* dan *ya'*.

<sup>116</sup> Surah al-Kawthar (108):1.

<sup>117</sup> Muḥayṣin, Muhammad Salim (1989), *Irshâd al-Tâlibîn ila Dabît al-Kitâb al-Mubîn*, Qâhirah: Maktabah al-Azhariyyah li a-Turath, h. 29.

<sup>118</sup> Surah al-'Arâf (7):24.

b. *Al-Hamz Lā Sūrata Lahā* (*Hamzah Tiada Berumah*)

Huruf *hamzah* ini berupa kepala huruf ‘ain yang mana berlaku dalam dua keadaan iaitu yang pertama huruf *hamzah* secara bersendirian seperti مُلِءٌ<sup>119</sup> dan kedua hamzah berada di atas kedudukan huruf sebelumnya seperti شَطَعَهُ<sup>120</sup>.

c. *Al-Hamz Lahā Sūrah* (*Hamzah Berumah*)

Huruf *hamzah* berumah ini berbentuk kepala huruf ‘ain. Huruf-huruf yang menjadi rumah kepada *hamzah* ini ialah *alif*, *waw* dan *ya’*. Huruf-huruf berkenaan boleh ditemui dalam dua keadaan iaitu yang pertama, ia didapati berada di atas huruf jika berbaris *fathah* dan *dhammah* seperti perkataan سَأَلُوا<sup>121</sup>. Manakala yang kedua, sekiranya didapati *hamzah* berada di bawah huruf yang berbaris di bawah seperti perkataan إِنَّا<sup>122</sup>.

d. Hamzah yang Berhimpun (*Hamzah Mujtami’ah*)

Huruf *hamzah* ini adalah berupa kepala ‘ain. Huruf berkenaan boleh ditemui dalam dua keadaan iaitu pertama, rumah hamzah yang pertama dibuang jika huruf keduanya terdapat persamaan baris seperti perkataan أَنْذَرْتَهُمْ<sup>123</sup>. Kedua sekiranya rumah *hamzah* yang kedua dibuang jika kedua-duanya didapati baris yang berlainan seperti perkataan أَعْنَزْلَ<sup>124</sup>.

4. *Al-Faṣl* (Pengasingan Perkataan)

*Al-Faṣl* bermaksud memisahkan atau menceraikan dua perkataan yang sepatutnya ditulis bersambungan. Antara contohnya ialah seperti perkataan مَا يُبَكِّ<sup>125</sup>. Menurut

<sup>119</sup> Surah Alī Imrān (3):91.

<sup>120</sup> Surah al-Fatḥ (48):29.

<sup>121</sup> Surah al-Fatḥ (48):153.

<sup>122</sup> Surah al-Kawthar (108):1.

<sup>123</sup> Surah al-Kawthar (2):6.

<sup>124</sup> Surah Ṣod (38):8.

<sup>125</sup> Surah al-An’ām (6):134.

kaedah *Rasm Imlā'i*, huruf *hamzah* ditulis secara bersambungan seperti contoh perkataan ﴿أَعْلَم﴾.

#### 5. *Al-Waṣl* (Penyambungan Perkataan)

*Al-Waṣl* bermaksud menyambung atau menggabungkan dua perkataan yang sepatutnya ditulis berasingan seperti perkataan ﴿فَإِنَّمَا﴾<sup>126</sup>. Manakala dalam *Rasm Imlā'i*, huruf tersebut ditulis dengan cara berasingan seperti perkataan ﴿مَا نَمِيَّنِ﴾.

#### 6. *Al-Badl* (Penukaran Huruf)

*Al-Badl* bermaksud menggantikan atau menukar sesuatu huruf dengan huruf yang lain. *Al-Badl* terbahagi kepada lima bahagian iaitu:

- a. Penukaran huruf *alif* kepada *waw* seperti perkataan ﴿الرَّبُّ﴾<sup>127</sup>. Menurut kaedah *Rasm Imlā'i* ia ditulis seperti ﴿الرِّبُّ﴾.
- b. Penukaran huruf *alif* kepada huruf *ya'* seperti terdapat pada perkataan ﴿الْهَدَى﴾<sup>128</sup>
  - . Manakala menurut kaedah *Rasm Imlā'i* ditulis seperti perkataan ﴿اَهْدَا﴾.
- c. Penukaran huruf *sīn* kepada huruf *ṣod* seperti perkataan ﴿وَيَصْطُط﴾<sup>129</sup> dan perkataan *Rasm Imlā'i* adalah ditulis seperti ﴿وَيَسْطُط﴾.
- d. Penukaran huruf *nun* kepada huruf *alif* seperti perkataan ﴿لَنْسَفَعًا﴾<sup>130</sup> dan perkataan *Rasm Imlā'i* adalah ditulis seperti ﴿لَنْسَفَعَن﴾.

---

<sup>126</sup> Surah al-Baqarah (2):115.

<sup>127</sup> Surah al-Baqarah (2):275.

<sup>128</sup> Surah al-Nisā' (4): 115.

<sup>129</sup> Surah al-Baqarah (2): 245.

<sup>130</sup> Surah al-'Alaq (96): 15.

e. Penukaran huruf *ta' marbuṭah* kepada huruf *ta' maftuḥah*. Keadaan ini berlaku pada beberapa perkataan dalam *Mushaf Uthmani* seperti perkataan <sup>131</sup> dan perkataan *Rasm Imlā'i* adalah ditulis seperti .

6. *Mā Fihi Qiraatān Kutibā alā Ihdāhuma* (Perkataan yang boleh dibaca oleh dua Qiraat Mutawatirah ditulis dengan salah satunya)

Perkataan yang mengandungi dua wajah Qiraat, ditulis berpandukan salah satu daripadanya. Sekiranya terdapat sesuatu perkataan yang mengandungi dua atau beberapa wajah Qiraat, maka perkataan itu ditulis dengan salah satu dari wajah-wajah Qiraat tersebut. Kaedah penulisan perkataan yang termasuk dalam bahagian ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, pertama bertepatan tulisannya dengan dua wajah Qiraat. Kedua, ditulis mengikut salah satu dari dua wajah Qiraat dan ketiga, penambahan disebabkan wajah Qiraat yang berbeza. Contohnya, perkataan yang ditulis tanpa huruf alif tetapi bacaannya bertepatan dengan dua wajah Qiraat iaitu

sama ada dengan alif dimadkan atau tanpa alif seperti perkataan <sup>132</sup> yang boleh

dibaca dengan panjang atau pendek pada huruf *fa'* dan perkataan  <sup>133</sup> ditulis dengan huruf *sod* walaupun terdapat sebahagian Qiraat yang membaca dengan huruf *sin* dan huruf *zai* yang diisytamkan. Ini disebabkan bacaan dengan huruf *sod* itu adalah lebih masyhur dan banyak digunakan dalam Qiraat yang *mutawatirah* jika dibandingkan dengan bacaan-bacaan yang lain.

## SEJARAH PERKEMBANGAN RASM IMLĀ'I

Melalui penelitian dari sudut sejarah perkembangan penulisan Arab, *Rasm Imlā'i* pada asalnya adalah digunakan bagi tujuan berkomunikasi dan penyampaian maklumat sama ada dalam aktiviti perniagaan ataupun apa jua aktiviti yang berkaitan dengan hubungan sosial dalam masyarakat. Penggunaan penulisan *Rasm Imlā'i* secara berleluasa telah menimbulkan beberapa implikasi, khususnya apabila melibatkan penulisan *mushaf*. Justeru itu, para ulama lughah semenjak awal lagi telah mengambil inisiatif bagi menyusun kaedah penulisan bahasa Arab versi *Imlā'i* ini. Usaha sebegini dilakukan adalah supaya wujudnya perbezaan jelas di antara *Rasm Uthmani* dengan *Rasm Imlā'i* dan sekali gus dapat mengelak imej al-Quran daripada tercemar dengan penulisan yang bercampur aduk antara kedua-dua rasm tersebut.<sup>134</sup>

<sup>131</sup> Surah al-'Arāf (7): 56.

<sup>132</sup> Surah al-Dukhān (44): 27.

<sup>133</sup> Surah al-Fatiḥah (1): 6.

<sup>134</sup> Daud Ismail, Asyraf Ab. Rahman (2013), *Sejarah dan Perkembangan Mushaf Uthmani di Malaysia*, UMT: Universiti Malaysia Terengganu, h. 11.

Terdapat banyak karya dalam disiplin ilmu penulisan Arab versi *Imlā'i* ini. Antara karya-karya yang terawal ialah Kitab *al-Khaṭ wa al-Hija'*, karangan Abī al-Abbas Muhammad Yazid al-Mubarrad (w.285H), Kitab *al-Hija'*, karangan Abi al-Abbas Aamad bin Yahya Tha'lab (w.291H), Kitab *al-Hija'* bagi Abī al-Hassan Muhammad bin Aḥad bin Kaysan (w.299H). Buku-buku berkenaan boleh dianggap sebagai pencetus kepada kaedah penulisan *Rasm Imlā'i* yang menekankan kepada pembentukan struktur kaliamah Arab berasaskan ejaan. Kemunculan buku-buku ini juga, menjadikan penggunaan bahasa Arab versi *Rasm Imlā'i* berkembang luas dalam kalangan masyarakat yang bertutur dalam bahasa Arab. Meluasnya *Rasm Imlā'i* dalam komunikasi harian sama ada dalam kalangan masyarakat Arab dan bukan Arab telah sedikit sebanyak mempengaruhi penulisan al-Quran dan ini secara tanpa sedari membuka ruang seluas-luasnya kepada usaha penyelewangan al-Quran oleh musuh-musuh Islam.<sup>135</sup>

Keadaan ini bermula pada peringkat awal kebangkitan Islam lagi. Ini memandangkan masih terdapat ramai penyalin dan penulis mushaf yang tidak mempunyai pengetahuan secukupnya terhadap aspek kaedah *rasm* dan *dabṭ mushaf*. Oleh kerana itu, terdapat beberapa *mushaf* ditulis dalam versi *Imlā'i*. *Mushaf* yang ditulis oleh Ibn al-Bawwab pada tahun 970 Masihi umpamanya, dikenal pasti sebagai *mushaf Imlā'i* dan *mushaf* yang sama juga ditulis oleh Yaqut al-Musta'simī pada tahun 1294 Masihi.<sup>136</sup>

Perkara demikian berlanjutan apabila teknologi pencetakan mula berkembang di negara-negara Barat. *Mushaf* pertama yang diusaha cetak dalam versi *Imlā'i* oleh orientalis Jerman iaitu Abrahmi Hinckelmani pada tahun 1694 Masihi di Hamburg. *Mushaf* ini mempunyai helaian setebal 560 halaman dan setiap halaman mengandungi sebanyak 16 baris. Muqadimah bagi *mushaf* berkenaan ditulis dalam bahasa Latin setebal 80 halaman. Naskhah *mushaf* cetakan ini boleh didapati di Perpustakaan Universiti Kaherah, Mesir.<sup>137</sup> Menurut Qadduri,<sup>138</sup> terdapat beberapa kesalahan besar pada hampir setiap halaman, khususnya dalam konteks *Rasm* dan *Dabṭ*.

Di Indonesia terdapat sebilangan besar naskhah *mushaf* kuno yang ditulis dengan *Rasm Imlā'i*.<sup>139</sup> *Mushaf* Monjok sebagai contoh, ditulis oleh seorang pendakwah, Sunan Sudar pada abad ke 18. *Mushaf* berkenaan adalah berukuran 17x25sm dengan ketebalan 7sm dan kulitnya diperbuat daripada kulit binatang. Jumlah halaman adalah sebanyak 592 halaman dan 15 baris bagi setiap halaman. Ilmunisasi *mushaf* ini dihiasi dengan bunga

<sup>135</sup> Mawdūdī, Abū A'la al (1971), *Mabādi' Asāsiyyah li Fahm al-Qurān*, Terj., Khalīl al-Ḥamidī, Kuwait: Dār al-Qalam, Cet. 3. h. 14.

<sup>136</sup> Ghanim Qaddūri al-Ḥamad (1982), *Rasm al-Muṣḥaf Dirāsah Lughawiyyah Tarikhīyyah*, h. 13.

<sup>137</sup> Ghanim Qaddūri al-Ḥamad (1982), *Rasm al-Muṣḥaf Dirāsah Lughawiyyah Tarikhīyyah*, h. 15.

<sup>138</sup> Ghanim Qaddūri al-Ḥamad yang dimasyurkan dengan panggilan Qaddur adalah seorang pensyarah di Fakulti Syariah, Universiti Baghdad. Beliau mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang penulisan al-Quran. Karya beliau iaitu *Rasm al-Muṣḥaf Dirāsah Lughawiyyah Tārikhīyyah* merupakan antara sumber rujukan umum dalam bidang berkenaan.

<sup>139</sup> H. Fadal Ar. Rahman dan H. Rosehan Anwar (2005), *Mushaf-mushaf Kuno Indonesia*, T.tp: Puslitbang Lektur Keagamaan, Badan Litbang Agama Indonesia. h. 15.

berwarna merah, hitam dan biru. *Mushaf* ini didapati banyak perbezaan dengan *Mushaf Uthmani* khususnya dalam aspek *rasm*.<sup>140</sup>

Terdapat juga *mushaf* versi *Imlā'i* yang telah ditemui di negeri Terengganu. *Mushaf* ini merupakan manuskrip al-Quran tulisan tangan pada tahun 1871 Masihi. *Mushaf* ini berukuran 44sm x 28.7sm x 7sm dan mempunyai kaligrafi serta iluminasi yang menarik. Manakala hiasan yang terdapat pada muka surat pertama dan akhir. Kulit *mushaf* ini diperbuat daripada *backram* dan teks ditulis dengan menggunakan dakwat hitam serta meletakkan tanda-tanda waqf dan lain-lain.

## DEFINISI RASM IMLĀ'I

*Mushaf Imlā'i* merupakan versi *mushaf* al-Quran yang ditulis berasaskan kaedah penulisan bahasa Arab biasa yang dipanggil *Rasm Imlā'i* atau *rasm Qiyasi*. *Rasm Imlā'i* atau *Qiyasi* iaitu membentukkan sesuatu lafadz yang diucap dengan menggunakan ejaan huruf-huruf.<sup>141</sup> Ia adalah kaedah asal untuk mengeja setiap perkataan. Struktur kalimah al-Quran berdasarkan ilmu *rasm* dan tanda-tanda dalam *mushaf Imlā'i* didapati amat berbeza dengan *Mushaf Uthmani*. Secara khususnya, perbezaan antara *Rasm Uthmani* dan *Rasm Imlā'i* sebagaimana yang telah dinyatakan oleh para ulama *rasm* terhimpun di dalam enam kaedah *rasm*.<sup>142</sup>

## STATUS RASM IMLĀ'I

Kemukjizatan al-Quran adalah bersifat syumul dan sempurna. Namun bila menyentuh dari sudut penulisan dan penerbitan al-Quran, maka para ulama telah banyak memberi ulasan dan pandangan serta pendirian mereka terhadap *Rasm Uthmani* atau *Rasm Imlā'i*. Manakala Lujnah Fatwa Universiti al-Azhar, Mesir telah menolak cadangan penulisan *mushaf* berasaskan kaedah *Rasm Imlā'i*. Lujnah ini menggesa umat Islam menerima pakai *Mushaf Uthmani*. Ini adalah bagi menjaga keistimewaan dan rahsia yang terkandung, selain menjadi benteng kepada usaha musuh-musuh Islam mengubah atau memesongkan kitab suci al-Quran al-Karim.<sup>143</sup>

Namun begitu, dalam perkembangannya Ilmu *Rasm* dan *Ulūm al-Qurān*, para ulama' berbeza pendapat dalam hukum penulisan al-Quran. Bagi pendapat Abū Muḥammad al-Maliki<sup>144</sup> disebutnya sebagai pendapat moden, dipelopori oleh Syaykh Izzudīn bin Abd Salām, kemudian diikuti oleh pengarang kitab *al-Burhān*<sup>145</sup> dan *al-Tibyān*.<sup>146</sup> Seterusnya

<sup>140</sup> M. Syatibi AH (2005), Menelusuri al-Quran Tulisan Tangan di Lombok, dalam buku *Mushaf-mushaf Kuno Indonesia*. T.tp: Puslitbang Lektur Keagamaan, Badan Litbang Agama Indonesia. h. 17.

<sup>141</sup> Asyrāf Muḥammad Fu'ad Tal'at (2003), *Safir al-Ālamīn fi Idah wa Taḥrīr wa Tahbīr Samīr al-Talibīn fi Rasm wa Ḏabṭ al-Kitāb al-Mubīn*, j. 1, Brunei: Kementerian Pendidikan, h. 61.

<sup>142</sup> Sya'bān Muḥammad Ismaīl (2008), *Rasm Muṣḥaf wa Ḏabṭuh*, Makkah: Maktabah Ihyā' Turāth al-Islāmī, h. 39.

<sup>143</sup> Jami'ah al-Azhār (1983), *Mujamma' al-Buhūth al-Islāmiyyah*, Qāhirah : Maktabah al-Azhariyyah , h. 42.

<sup>144</sup> Abū Muḥammad al-Maliki (2003), *Syarḥ Kitāb al-Tafsīr li al-Dāni fi al-Qirāat*, Bayrūt : Dār al-Kutūb al-Ilmiyyah, h. 74.

<sup>145</sup> Muḥammad Rajab Farjanī (1978), *Kaifa Nata 'adab ma'a al-Muṣḥaf*, Qāhirah: Dār al-I'tisam, h. 87.

diikuti oleh Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah dan al-Zarqani<sup>147</sup> mengatakan bahawa al-Quran adalah bacaan umum, harus ditulis menurut kaedah bahasa Arab, akan tetapi harus sentiasa menjaga mushaf al-Quran yang ditulis dengan Rasm Uthmani sebagai suatu yang penting dan harus dipelihara serta dijaga kerana ia merupakan warisan para ulama' yang terdahulu.<sup>148</sup>

Manakala pendapat yang dikemukakan oleh al-Qādī Abū Bakr al-Baqilani dalam kitabnya *al-Intishār*, Abū Abdul Rahman bin Khaldūn dalam kitabnya *Muqaddimah*<sup>149</sup> dan juga sebahagian ulama' semasa menyatakan bahawa tulisan al-Quran tidak harus sesuai dengan Rasm Uthmani kerana Rasm Uthmani itu bukanlah *Tauqīfiy* tetapi ia adalah hanya *Ijtihādīy*,<sup>150</sup> atau hanya sekadar istilah rekabentuk penulisan yang dipersetujui oleh Khalifah Uthmān r.a.<sup>151</sup> Dengan demikian, cara penulisan al-Quran adalah bebas dengan mengikuti kaedah bahasa Arab secara umum tanpa terikat dengan kaedah Rasm Uthmāni, terutama bagi yang belum mengenalinya.

## KAEDAH RASM IMLĀ'I

Rasm Imlā'i atau Qiyāsi bermaksud menulis lafaz menggunakan huruf ejaan dengan mengambil kira permulaan dan pengakhirannya. Kesalahan-kesalahan yang ketara boleh dilihat pada perkara-perkara berikut antaranya ialah pembentukan struktur kalimah berdasarkan kaedah *Rasm Imlā'i* ini merujuk kepada empat usul iaitu pertamanya, bunyi huruf pada kalimah يَسْطُط<sup>152</sup>. Ia ditulis dengan huruf *sīn* dan *ba'* berdasarkan bunyi huruf *sīn* ketika dituturkan. Manakala dalam Mushaf Uthmani, kalimah tersebut ditulis dengan huruf *sad* seperti يَقِصُّ وَيَبْصُطُ<sup>153</sup>. Kedua, tiada pembuangan huruf ketika menulis lafaz iaitu contoh kalimah خَالِدُونَ<sup>154</sup> ditulis dengan huruf *alif* selepas huruf *kha'*. Manakala dalam versi *Mushaf Uthmani*, kalimah ini ditulis tanpa huruf *alif*, iaitu هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ<sup>154</sup>. Ketiga, tiada penambahan

<sup>146</sup> Abū Muḥammad al-Malikī (2003), *Syarḥ Kitāb al-Tafsīr li al-Dāni fī al-Qirāat*, Bayrūt : Dār al-Kutūb al-Ilmiyyah, h. 72.

<sup>147</sup> Muḥammad Rajab Farjanī (1978), *Kaifa Nata 'adab ma'a al-Muṣṭafā*, Qāhirah: Dār al-I'tisam, h. 87.

<sup>148</sup> Muḥammad Abdul Azīm al-Zarqani (2001), *Mañāhil al-Irfān fī Ulūm al-Qurān*, Taḥqīq, Aḥmad bin Ali, Qāhirah: Dār al-Hadīth, h. 323.

<sup>149</sup> Manna' al-Qattān (1973), *Mabāhith fī Ulūm al-Qurān*, Cet. 2. Riyadh: Mansyūrah al-Hasr wa al-Hadīth, h. 148.

<sup>150</sup> Abū Muḥammad al-Malikī (2003), *Syarḥ Kitāb al-Tafsīr li al-Dāni fī al-Qirāat*, Bayrūt : Dār al-Kutūb al-Ilmiyyah, h. 72.

<sup>151</sup> Manna' al-Qattān (1973), *Mabāhith fī Ulūm al-Qurān*, Cet. 2. Riyadh: Mansyūrah al-Hasr wa al-Hadīth, h. 147.

<sup>152</sup> Al-Ra'd 13: 26.

<sup>153</sup> Al-Baqarah 2: 235.

<sup>154</sup> Al-Baqarah 2: 39.

huruf ketika menulis lafaz seperti kalimah تَأْيِسُوا ditulis tanpa huruf *alif* di antara dua *ya'*. Manakala dalam versi Mushaf Uthmani, kalimah ini ditulis dengan ditambah huruf *alif* di antara dua *ya'* seperti وَلَا تَأْيِسُوا مِنْ رَّوْحِ اللَّهِ.<sup>155</sup> Keempat, pengasingan dua kalimah seperti يَا مُوسَى ditulis berasingan antara kalimah يَا dan مُوسَى. Manakala dalam versi Mushaf Uthmani, kalimah ini ditulis dengan menggabungkan kalimah يَا dan مُوسَى menjadikan وَإِذْ يَمْوَسَى.<sup>156</sup>

Melihat kepada kaedah *Rasm Imlā'i* sebagaimana di atas, maka kaedah sebegini didapati tidak sesuai untuk penulisan *mushaf* kerana ia sering berubah mengikut perkembangan semasa.<sup>157</sup>

### PERBANDINGAN MUŞHAF RASM UTHMĀNĪ DAN MUŞHAF RASM IMLĀ'I

Ilmu Rasm al-Quran merupakan ilmu yang menjelaskan kaedah penulisan pada mushaf Uthman dan kaedah yang digunakan dalam penulisan tersebut.<sup>158</sup> Perbahasan ilmu ini adalah berkisar perbezaan kaedah penulisan al-Quran menurut Rasm Uthmani dengan penulisan Imlā'i atau Qiyāsi. Manakala topik perbincangannya pula lebih menjurus ke arah penambahan dan pengurangan huruf, penyatuan dan pemisahan huruf dan penukaran huruf.<sup>159</sup>

Berikut adalah beberapa contoh perkataan yang berbeza antara Mushaf Rasm Uthmānī dan Muşhaf Rasm Imlā'i seperti di bawah:

Bil.	Muşhaf Rasm Uthmānī	Muşhaf Rasm Imlā'i	Surah/ Ayat
1.	الْكَلِمَاتِ	العالِمِينَ	Al-Fātiḥah (1):2
2.	الصِّرَاطُ	الصِّرَاطُ	Al-Fātiḥah (1):6
3.	الصَّلَاةَ	الصَّلَاةَ	Al-Baqarah (2):3
4.	الضَّلَالَةَ	الضَّلَالَةَ	Al-Baqarah (2):16

<sup>155</sup> Yūsuf 12: 87.

<sup>156</sup> Al-Baqarah 2: 55.

<sup>157</sup> Shalabi, Abd al-Fatāḥ Ismā'il (1999), *Rasm al-Muşhaf al-Uthmāni wa Awhām al-Mustasyriqīn fi Qirā'at al-Karīm Dawāfi uha wa Daf uha*. Qāhirah: Maktabah Wahbah. Cet 4. h. 20.

<sup>158</sup> Ibrāhīm bin Aḥmad (1995), *Dalīl al-Hayrān 'Alā Mawrid al-Żam'ān*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 3.

<sup>159</sup> Aḥmad Muḥammad Muflīh, Aḥmad Khālid Shukrī, Muḥammad Khālid Maṣnūr (2001), *Muqaddimah fi Ilm al-Qira'at*, Jordan: Dār Ammar, h. 191.

5.	<b>أَصْنَعُهُمْ</b>	اصابعهم	Al-Baqarah (2):19
6.	<b>الْمَلِئَكَةُ</b>	الملائكة	Al-Baqarah (2):31
7.	<b>يَكَادُمُ</b>	يا ادم	Al-Baqarah (2):33
8.	<b>يَبْنِي إِسْرَائِيلَ</b>	يا بني اسرائيل	Al-Baqarah (2):40
9.	<b>وَإِنِّي</b>	واياي	Al-Baqarah (2):40
10.	<b>الزَّكُوَةُ</b>	الزكاة	Al-Baqarah (2):43
11.	<b>شَفَاعَةٌ</b>	شفاعة	Al-Baqarah (2):48
12.	<b>يَمُوسَى</b>	يا موس	Al-Baqarah (2):55
13.	<b>النَّبِيُّونَ</b>	النبيين	Al-Baqarah (2):61
14.	<b>أَكْنَانَ</b>	الأَن	Al-Baqarah (2):71
15.	<b>فَادَرْجُهُمْ</b>	فالدارسهم	Al-Baqarah (2):72
16.	<b>الْحَيَاةُ</b>	الحياة	Al-Baqarah (2):85
17.	<b>إِبْرَاهِيمَ</b>	ابراهيم	Al-Baqarah (2):124
18.	<b>الْقُرْءَانُ</b>	القرآن	Al-Baqarah (2):185
19.	<b>يُحِيِّ</b>	يحيي	Al-Baqarah (2):258
20.	<b>الرِّبَوْا</b>	الربا	Al-Baqarah (2):275
21.	<b>يَلْوُونَ</b>	يلعون	Ali Imrān (3):78
22.	<b>رَبِّنِيَّنَ</b>	ربانيين	Ali Imrān (3):79

23.	أَفَيْنِ	افائين	Ali Imrān (3):144
24.	الْجَاهِلِيَّةُ	الجاهلية	Ali Imrān (3):154

---

Berpandukan pemerhatian daripada senarai di atas, berikut adalah contoh perbezaan rasm Muṣḥaf Rasm Uthmānī dan Muṣḥaf Rasm Imlā’i tumpuan terhadap surah al-Fātiḥah, al-Baqarah dan Ali Imrān yang menggunakan kaedah Rasm Uthmani dan perkataan sama daripada mushaf Rasm Imlā’i menggunakan kaedah Rasm Imlā’i. Pengkaji mendapati perbezaan ilmu rasm antara kedua-dua mushaf tersebut disebabkan perbezaan disiplin ilmu Rasm iaitu *al-Hadhf*, *al-Ihbāt*, *al-Hamz*, *al-Badal*, *al-Faṣl* dan *al-Waṣl* dan *Mā Fīhi Qirāatān Kutiba alā Ihdāhumā*.<sup>160</sup>

### **IMPLIKASI PENGGUNAAN RASM IMLĀ’I TERHADAP MASYARAKAT**

Pada masa ini ramai masyarakat Islam telah sedar tentang kepentingan mushaf Rasm Uthmani, terutama masyarakat Islam di Malaysia. Pihak Kerajaan Malaysia juga telah mengambil berat tentang perkara ini. Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran dengan Akta Percetakan Teks al-Quran 1986 telah menetapkan bahawa Rasm Al-Quran yang diterima pakai di Malaysia adalah Rasm Uthmani.<sup>161</sup>

Perbezaan antara Rasm Uthmani dan Rasm Imlā’i sebagaimana yang telah dinyatakan oleh para ulama rasm terhimpun di dalam enam perkara iaitu *al-hadhf*, *al-ziyādah*, *al-hamz*, *al-badal*, *al-faṣl* dan *al-waṣl* serta yang keenam perkataan yang boleh dibaca oleh dua Qiraat Mutawatirah ditulis dengan salah satunya.<sup>162</sup> Sebagai contoh, dalam ilmu rasm maksud *al-hadhf* adalah menggugurkan salah satu daripada lima huruf hijaiyyah iaitu alif, waw, ya’, lam dan nun.<sup>163</sup> Antara kelima-lima huruf tersebut yang sering berlaku *al-hadhf* ialah pada tiga huruf iaitu alif, waw dan ya’.<sup>164</sup>

Rasm al-Imlā’i atau Qiyāsi ialah membentuk sesuatu lafaz yang diucap dengan menggunakan ejaan huruf-huruf.<sup>165</sup> Ini merupakan kaedah asal disiplin ilmu penulisan untuk mengeja setiap perkataan di dalam mushaf Quran Majid. Jika ditinjau dari sudut sejarah

<sup>160</sup> Sya’bān Muḥammad Ismāil (2008), *Rasm Muṣḥaf wa Ḏabtuḥ*, Makkah: Maktabah Ihyā’ Turath al-Islāmī, h. 39.

<sup>161</sup> Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri Malaysia: <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/kawalan-teks-alquran-soalan-lazim>, dicapai pada 12 Disember 2015.

<sup>162</sup> Sya’bān Muḥammad Ismai’l (2008), *Rasm Muṣḥaf wa Ḏabtuḥ*, Makkah: Maktabah Ihya’ Turath al-Islami, h. 39.

<sup>163</sup> Aḥmad Mālik Ḥammad al-Futī (1963), *Miftah al-Aman fi Rasm al-Qur’ān*, Dakkar: Dār al-Singhaliyyah, h. 6.

<sup>164</sup> Abū Ishāq Ibrāhim bin Aḥmad al-Marighnī al-Tunīsī (2005), *Dalīl al-Hayrān Ala Mawrid al-Zam’ān*, Qāherah: Dār al-Ḥadīth, h. 39.

<sup>165</sup> Asyrāf Muḥammad Fu’at Ta’at (2003), *Safir al-’Ālamīn Fi Idah wa Tahrīr wa Tahbīr Samīr al-Tālibīn Fi Rasm wa Ḏabṭ al-Kitāb al-Mubīn*, j. 1. Brunei: Kementerian Pendidikan, h. 61.

perkembangan penulisan Arab, Rasm Imla'i pada asalnya adalah digunakan bagi tujuan berkomunikasi dan penyampaian maklumat sama ada dalam aktiviti perniagaan ataupun apa jua aktiviti yang berkaitan dengan hubungan sosial dan kemasyarakatan.<sup>166</sup> Pembentukan struktur kalimah berdasarkan kaedah Rasm Imla'i ini merujuk kepada empat perkara berikut antara yang pertamanya, bunyi huruf pada kalimah يَبْسُط<sup>167</sup>. Ia ditulis dengan huruf *sin* dan *ba'* berdasarkan bunyi huruf *sin* ketika dituturkan. Manakala dalam Mushaf Uthmani, kalimah tersebut ditulis dengan huruf *sad* seperti يَقِصُّ وَيَبْسُط<sup>168</sup>. Kedua, tiada pembuangan huruf iaitu contoh kalimah خَالِدُونَ ditulis dengan huruf *alif* selepas huruf *kha'*. Manakala dalam versi mushaf Uthmani, kalimah ini ditulis tanpa huruf *alif*, iaitu هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ<sup>169</sup>.

Ketiga, tiada penambahan huruf seperti kalimah تَأْيَسُوا ditulis tanpa huruf *alif* di antara dua *ya'*. Manakala dalam versi Mushaf Uthmani, kalimah ini ditulis dengan ditambah huruf *alif* di antara dua *ya'* seperti وَلَا تَأْيَسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ.<sup>170</sup> Keempat, pengasingan dua kalimah seperti مُوسَى يَا مُوسَى ditulis berasingan antara kalimah يَا dan مُوسَى. Manakala dalam versi Mushaf Uthmani, kalimah ini ditulis dengan menggabungkan kalimah يَا dan مُوسَى menjadikan وَإِذْ مُوسَى يَا.

Melihat kepada kaedah Rasm Imla'i sebagaimana di atas, maka kaedah sebegini didapati tidak sesuai untuk penulisan mushaf kerana ia sering berubah mengikut perkembangan semasa.<sup>171</sup> Justeru itu, jika dibiarkan keadaan ini berlaku, akan wujudlah mushaf dalam pelbagai versi yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam. Bukan setakat itu sahaja, malah fenomena ini mungkin boleh membawa kepada berlakunya perbalahan besar sesama umat Islam disebabkan wujudnya ketidakseragaman rasm mushaf yang diguna pakai.

Dengan tidak disedari, kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam Mushaf Quran Majid banyak meninggalkan implikasi ke atas penulisan teks al-Quran. Implikasi utama terhadap penulisan teks al-Quran yang dianggap ketara boleh dilihat adalah empat perkara berikut.

<sup>166</sup> Al-Qādī, Abd al-Fattāḥ (1990), *al-Wafī fī Sharḥ al-Shāṭibī*. Jeddah: Maktabah al-Siwad li al-Tawzī, Cet 3, h.12.

<sup>167</sup> Al-Ra'd 13: 26.

<sup>168</sup> Al-Baqarah 2: 235.

<sup>169</sup> Al-Baqarah 2: 39.

<sup>170</sup> Yusuf 12: 87.

<sup>171</sup> Al-Baqarah 2: 55.

<sup>172</sup> Shalabī, Abd al-Fataḥ Ismā'īl (1999), *Rasm al-Muṣḥaf al-Uthmānī wa Awham al-Mustasyriqīn fī Qirā'at al-Karīm Dawāfi uha wa Daf uha*. Qāhirah: Maktabah Wahbah. Cet 4. h. 20.

Pertama, tiada pembuangan huruf *alif* pada struktur kalimah شَفَاعَةٌ. Penulisan sebegini hanya boleh dibaca dalam satu bentuk bacaan (*Qira'ah*) sahaja. Dalam *Mushaf Uthmani*, kalimah ini ditulis tanpa huruf *alif* iaitu **مُنْهَا شَفَاعَةٌ**<sup>173</sup> bagi membolehkan ia dibaca mengikut pelbagai bentuk bacaan *Qiraat Mutawātirah* yang dibenarkan. Kedua, tiada tanda bulatan di atas huruf tambahan (*harf zā'idah*) pada struktur kalimah seperti سَأُورِيكُمْ.<sup>174</sup> Ini menjadikan huruf *waw* pada kalimah tersebut boleh dianggap sebagai huruf yang mati (*sākin*) dan dibaca dengan memanangkan huruf *alif* yang berbunyi. Dalam *mushaf Uthmani*, kalimah ini diletakkan tanda bulatan di atas huruf *waw* seperti سَأُورِيكُمْ. Yang ketiga, terdapat huruf *alif* bersaiz kecil (*ilhaq*) pada *lafaz al-Jalalah* (الله). Ini adalah bertentangan dengan kaaedah yang telah diputuskan oleh ulama Rasm. Dalam *mushaf rasm Uthmani*, huruf *alif* bersaiz kecil (*ilhaq*) pada *lafaz* tersebut tidak ditulis seperti الله pada semua tempat. Dan yang keempat, terdapat tanda baris (*harakah*) pada *Hamzah Wasl* seperti yang berlaku pada ayat ثَلَاثَةٌ إِنْتَهُوا.<sup>175</sup> Ini boleh menyumbang kepada kesalahan membaca al-Quran. Ia mungkin dibaca oleh orang awam sebagai hukum Izhar berdasarkan tanwin bertemu dengan huruf *Hamzah*. Sebenarnya ia tidak boleh diletakkan tanda baris pada *Hamzah Wasl* sebagaimana terdapat dalam *Mushaf Uthmani* seperti ثَلَاثَةٌ إِنْتَهُوا<sup>176</sup> bagi tujuan mengelak kekeliruan ini.

Rasm al-Iṣṭilāḥī atau al-Uthmani ialah kaedah penulisan perkataan tertentu di dalam *mushaf Uthmani* yang berbeza dengan rasm al-Imla'i. Hasil kajian terhadap perbezaan ejaan antara rasm Uthmani dengan rasm Imla'i maka telah melahirkan disiplin ilmu Rasm.<sup>176</sup>

Di sini perlu dijelaskan bahawa antara peranan *mushaf al-Quran Rasm Uthmani* ialah menyeragamkan penulisan al-Quran dan menyatukan kaum muslimin dari segi pembacaan al-Quran. Selain daripada dapat penyelarasan penulisan dan pembacaan al-Quran, ia juga mempunyai beberapa kelebihan dan sebab-sebab tertentu antaranya yang pertama, tulisan al-Quran Rasm Uthmani adalah mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. dan telah diwarisi oleh penulis-penulis *mushaf al-Quran* sehingga sekarang. Kedua, menyatukan bacaan al-Quran walaupun terdapat perbezaan dalam *Qiraat*. Ketiga, dapat menyatukan dan menyeragamkan kaum muslimin dalam satu *mushaf* yang satu bacaan dan tulisan. Keempat, al-Quran Rasm Uthmani mengandungi rahsia dari segi mengekalkan dan meniadakan huruf. Kelima, menyatukan rumusan surah menurut asal mulanya. Keenam, rasm Uthmani telah disepakati

---

<sup>173</sup> Al-'Araf 7: 145.

<sup>174</sup> Al-Baqarah 2: 48.

<sup>175</sup> Al-Nisa' 4: 171.

<sup>176</sup> *Ibid.*, h. 62.

para ulama dan sudah diterima dengan susunan ayat-ayatnya, kalimah-kalimahnya dan huruf-hurufnya maka tidak diperbolehkan untuk mengingkarinya.<sup>177</sup>

Hasil tinjauan, pengkaji mendapati terdapat masyarakat Islam yang masih menggunakan mushaf Quran Majid. Hal ini kerana mereka merasakan mushaf Quran Majid lebih mudah dibaca berbanding mushaf Rasm Uthmani tanpa menyedari tentang disiplin ilmu dan hikmah-hikmah yang terdapat dalam penulisan rasm Uthmani. Menurut Imam 1 Masjid Tengku Ampuan Afzan, Indera Mahkota Kuantan, Ustaz Lokman bin Ahmad al-Hafiz, masih terdapat peserta yang mengikuti kelas Tahsin al-Quran di masjid anjuran Biro Pendidikan menggunakan mushaf Quran Majid sebagai bahan bacaan dan menjadi amalan bacaan al-Quran setiap hari di rumah. Antara alasan yang diberikan oleh mereka adalah mudah dan senang membaca dengan menggunakan mushaf Quran Majid selain itu kurangnya kefahaman berkaitan ilmu rasm Uthmani. Sebagai contoh, penulisan sesetengah kalimah, didapati ada tanda bacaan yang dihazafkan atau ditiadakan, ada yang diganti dengan alamat tertentu dan beberapa tanda bacaan lagi yang perlu dipelajari supaya dapat dibaca menurut yang dikehendaki. Semua ini akan menimbulkan kesulitan dan menyusahkan mereka yang tidak biasa membaca al-Quran menurut kaedah rasm Uthmani.<sup>178</sup>

Menurut Imam I Masjid Negeri Sultan Ahmad Ustaz Khalil bin Mohd Zari al-Hafiz, merupakan seorang tenaga pengajar Program Pengajian Agama Islam bagi kelas *Tafaqquh Fiddin* Negeri Pahang anjuran Yayasan Pahang menjelaskan, tidak dinafikan peserta kelas ini masih lagi menggunakan Quran Majid kerana mereka menganggap ia sebuah mushaf berkaitan ejaan dan mudah mengeja setiap perkataan di dalamnya serta mudah memahami cara bacaan walaupun masih baru dalam pembelajaran membaca al-Quran.<sup>179</sup> Menurut beliau lagi, kesilapan dari aspek rasm pada ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam mushaf Rasm Majid itu, boleh mengakibatkan kesalahan pembacaan al-Quran khususnya dari aspek Tajwid. Ini terbukti hasil ujian bacaan dengan menggunakan mushaf Quran Majid yang dilakukan ke atas 85 orang responden kajian yang dipilih daripada para peserta kelas *Tafaqquh Fiddin* di Masjid Negeri Sultan Ahmad, Kuantan, didapati seramai 63 peserta yang membaca salah, berbanding hanya 22 peserta sahaja yang dapat membaca dengan betul.

Selain itu, penulisan menggunakan kaedah rasm Imla'i di Malaysia telah dilarang untuk sebarang penerbitan. Namun begitu, masih terdapat pengusaha percetakan menggunakan rasm Imla'i dalam percetakan. Sebagai contoh, buku kecil (*booklet*) surah Yaasin terbitan Syarikat Perniagaan Jahabarsha Sdn. Bhd. didapati masih lagi menggunakan rasm Imla'i dalam percetakan. Hal ini boleh membantutkan usaha kerajaan dalam memperkasakan penulisan mengikut kaedah rasm Uthmani yang telah disepakati sebilangan besar ulama.<sup>180</sup> Seterusnya pada era 70-an, umat Islam Malaysia telah menggunakan mushaf

<sup>177</sup> 'Abd al-Karīm Ibrāhīm 'Iwad Sālih (2006), *al-Muṭhaṭṭ fī Rasm al-Muṣḥaf*, Tanṭa: Dār al-Šāhābah. h. 39.

<sup>178</sup> Temu bual dengan Imam I Masjid Tengku Ampuan Afzan, Ustaz Lukman bn Ahmad al-Hafiz di masjidnya, pada 9 Mei 2016.

<sup>179</sup> Temu bual dengan Imam I Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Ustaz Khalil bin Mohd Zari al-Hafiz di masjidnya, pada 9 Jun 2016.

<sup>180</sup> *Penulisan Ayat-ayat al-Quran Dengan Huruf Roman dan Latin*:<http://www.e-fatwa.gov.my?fatwa-negeri/penulisan-ayat-ayat-al-quran-dengan-huruf-roman-dan-latin-2>, dicapai pada 12 Mei 2016.

yang menggunakan kaedah rasm Imla'i sebagai panduan. Secara tidak langsung umat Islam Malaysia mempelajari al-Quran melalui kaedah rasm Imla'i. Mushaf yang digunakan sebagai rujukan dikenali sebagai mushaf Quran Majid.<sup>181</sup> Pada peringkat ini, tahap kesedaran masyarakat Islam terhadap penggunaan mushaf rasm Uthmani masih amat menyedihkan. Tambahan pula masyarakat Islam tidak sedar akan kepentingan menggunakan rasm Uthmani. Hal ini telah dijelaskan oleh Tuan Haji Azhari bin Haji Othman al-Hafiz,<sup>182</sup> Timbalan Pengerusi Lajnah Tashih al-Quran di Kementerian Dalam Negeri:

*"Masa kini orang Islam Malaysia (umat Islam Malaysia) ini memakai al-Quran rasm Imla'i. Pada masa itu, orang (umat Islam Malaysia) tidak sedar dan ketika itulah paling banyak kesalahannya. Dari segi hamzah wasal tidak tepat tanda, hamzah qata' tiada tepat tanda, patut ditulisnya tiada alif, hazaf alif, dibuang alif, ditambah alif".*

Justeru itu, jika dibiarkan keadaan ini berlaku, akan wujud *mushaf* dalam pelbagai versi yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam. Bukan setakat itu sahaja, malah fenomena ini mungkin boleh membawa kepada berlakunya perbalahan besar sesama umat Islam disebabkan wujudnya ketidakseragaman rasm mushaf yang digunakan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji menyarankan agar setiap individu muslim haruslah mempelajari dan memahami kaedah penulisan al-Quran mengikut Rasm Uthmani ini. Hal ini kerana, mereka yang memahami dan menguasai kaedah penulisan al-Quran ini akan dapat mengaplikasikannya di dalam pembacaan ayat-ayat al-Quran. Ianya juga dapat mengenalpasti kesalahan-kesalahan yang berlaku di dalam penulisan al-Quran disamping menghayati sejarah bermulanya ilmu Rasm ini.

Justeru itu, ketahuilah bahawa setiap huruf al-Quran mempunyai kemukjizatan dan jaminan daripada Allah s.w.t. Oleh itu, al-Quran Rasm Uthmani perlu diserahkan sebagai suatu kaedah penulisan yang wajib dipelihara melalui media cetak dengan mencetak, menerbit, membaca dan diamalkan.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Al-Qadhi<sup>ī</sup>, Abd al-Fattaḥ (t.th), *Tarīkh al-Muṣṭafā al-Syarīf*, Mesir: Maktabah al-Jundi

Al-Sajistāni<sup>ī</sup>, Abū Bakr Abdullah bin Sulaymān (t.th), *Al-Maṣāḥif li Ibn Abī Dāwūd*, jil. 1. al-Maktabah al-Syāmilah.

<sup>181</sup> Mustafa, Ahmad Farid Fadhli (2012), *Tanda Waqf Dalam al-Quran al-Karim. Analisis Surah al-Kahfi berdasarkan Rasm Uthmani*, Desertasi Master, Universiti Malaya.

<sup>182</sup> Temu bual melalui telefon dengan Tuan Haji Azhari bin Haji Othman al-Hafiz. Timbalan Pengerusi Lajnah Tashih al-Quran Kementerian Dalam Negeri (KDN), pada 12 Mei 2016.

Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin ‘Abd Allah al-Tanāsi (1420H), *Al-Tirāz fī Sharh Dabṭ al-Kharraz*, ed. Ahmad Sharshal, Saudi Arabia: Mujamma’ Al-Malik Fahd.

Abd al-Mun’im Kamil Syair (t.th.), *Al-I’jaz al-Qurāni fī al-Rasm al-Uthmāni*, Bayrūt: Alam al-Kutūb.

‘Abd al-Karīm Ibrāhīm ‘Iwaḍ Ṣāliḥ (2006), *al-Muṭhaṭ fī Rasm al-Muṣṭafā*, Tanṭa: Dār al-Ṣahābah.

Ali Muḥammad Ḏabba’ (1999), *Samīr al-Tālibīn fī Rasm wa Ḏabṭ Kitāb al-Mubīn*, Cet. 1, Qāhirah: Maktabah al-Azhar li al-Turāth.

Bunaylī, Aḥmad al (1989), *al-Ikhtilāf Bayna al-Qirā’at*, Bayrūt: Dār al-Jabāl.

Bukhari, Muḥammad bin Ismā’īl al (1422H), *al-Jamī’ al-Ṣahīḥ*, TTP: Tawq al-Najah.

Dāni, Abū Amr Uthmān bin Sa`id al- (2010), *al-Muqni` fi Ma`rifah Marsūm Maṣāḥif Ahl al-Amṣār*, Taḥqiq: Nurah binti Ḥasan, Riyad: Dār al-Tadmuriyyah.

Ḥassan, Muḥammad Alī al (1983), *al-Manār fi Ulūm al-Qurān*, Amman: Matba’ah al-Sharq wa Maktabatuhā.

Hindawi, Ali Ismā’īl al-Sayyid (1410H). *Jamī’ al-Bayān fi Ma’rifah Rasm al-Qurān*, Riyādh: Dār al-Furqān.

Ibn Kathīr, Imad al-Dīn Abī al-Fida Ismā’īl (1992). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, Jil 3.

Mannā’ al-Qaṭṭān (1995), *Mabāhith Fi ‘Ulūm al-Qur‘ān*. Qāherah: Maktabah Wahbah.

Muḥammad Makkī Naṣr al-Juraisī (2003), *Nihāyat al-Qaul al-Mufid fī Ilmī Tajwīd al-Qurān*, Cet 1. Bayrūt: Dār al-Kutūb Ilmiyyah.

Muḥammad Abdul Azīm al-Zarqānī (2003), *Manāhil Irfān fi Ulūm al-Qurān*, Jilid 1. Cet. 2, Bayrūt: Dār al-Kutūb Ilmiyyah.

Muḥayṣin, Muḥammad Sālim (1989), *Irshād al-Tālibīn ila Ḏabṭ al-Kitāb al-Mubīn*, Qāhirah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.

Muḥammad Makkī Naṣr al-Juraisī (2003), *Nihāyat al-Qaul al-Mufid fī Ilmī Tajwīd al-Qurān*, Cet 1. Bayrūt: Dār al-Kutūb Ilmiyyah.

Muṣṭafā Ṣadiq al-Rafī‘e (2006), *I’jaz al-Qurān wa al-Balāghah al-Nabawiyah*, Bayrūt: Dār al-Kutūb al-Arabi.

Nuwayri, Muḥammad bin Muḥammad Abi al-Qāsim al (1989), *Sharḥ al-Durrāh al-Mudiyah fī al-Qiraāt al-Thalath al-Marwiyyah*, Tahq: Sharqawi.

Sabūni, Muḥammad Ali al (T. th). *Al-Tibyān fi Ulūm al-Qurān*, Bayrūt: Alam al-Kutūb.

Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al(t.t). *al-Itqān Fi ‘Ulūm al-Qurān*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ṭabārī, Muḥammad bin Jarīr Abū Ja‘far al(1968), *Jamī’ al-Bayān ‘an Ta’wīl Ay al-Qurān Tafsīr al-Ṭabārī*, j. 1. Qāherah: Dār al-Ḥadīth.

Tunisi, Abū Ishaq Ibrahīm bin Aḥmad al-Marighnī al(2005), *Dalīl al-Hayrān ‘Ala Mawrid al-Zam’ān*, Qāherah: Dār al-Ḥadīth.

Qattān, Manna‘ Khalil al (1990), *Mabāhith fi Ulūm al-Qurān*, Qāhirah: Maktabah Wahbah, Cet. 7.

Qāri, Abd al-Azīz bin Abd al-Fattaḥ (1402H). *Al-Taqrīr al-Ilmī an Mushaf al-Madīnah al-Nabawiyyah*, Madīnah: Mujamma al-Malik Fahd li Ṭaba’ah al-Muṣḥaf al-Sharīf.

Zurqānī, Muḥammad Abd al-Azīm (1995), *Manāhil al-Arfān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabi.